


Jilid I
Bil. 42



MALAYSIA

Hari Rabu
15hb Disember, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 4789]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1972

Jawatan-kuasa—

Kepala² P. 7, P. 9, P. 17 dan P. 20 [Ruangan 4823]

Kepala P. 13 [Ruangan 4834]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 15hb Disember, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Tanah, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelevu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Landau).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Pertis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- Yang Berhormat TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
 „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
 „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
 „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
 „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
 „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
 „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
 „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
 „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
 „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
 „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
 „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
 TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
 „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
 TUN DR ISMAIL BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
 „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
 „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
 „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
 „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
 „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
 „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
 „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).

- " DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- " TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- " TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- " DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- " DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- " TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

" Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

MELAWAT SAMBIL BELAJAR—AHLI² PARLIMEN/NEGERI

1. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menghantar Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Undangan Negeri melawat sambil belajar keluar negeri.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedia menimbangkan chadangan menghantar Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Undangan Negeri melawat sambil belajar keluar negeri, kira-nya lawatan² itu boleh memberi faedah kepada negeri dan ra'ayat dan jikalau keadaan kewangan mengizinkan.

KEHILANGAN CHERDEK PANDAI— DARI KAKITANGAN AWAM

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah langkah² yang telah di-ambil bagi mengatasi "kehilangan cherdek pandai di-kalangan kaki-tangan² awam yang kanan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, memang ada terdapat pegawai² kanan terutama-nya pegawai² ikhtisas yang meletakkan jawatan Kerajaan-nya tetapi ini tidak-lah dapat di-katakan sa-bagai "brain drain" sa-bagai yang di-anggapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimana pun, Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk memperbaiki gaji dan sharat² perkhidmatan pegawai² Kerajaan dengan perlaksanaan shor gaji Suffian dan sentiasa mengkaji "grading" jawatan² penting dalam perkhidmatan awam. Kerajaan telah juga mengadakan satu sekim kontrek bagi pengambilan pegawai ka-jawatan² dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas

dengan gaji yang hampir sa-kali dengan yang di-beri oleh Badan² Berkanun dan pehak swasta.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: (*Dengan izin*) How many senior civil servants have resigned since 1963?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: (*Dengan izin*) That is a different question. The Honourable Member should frame his question properly next time.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Minister tell this House, as regards most of those who were leaving the Government Service, what type of complaints they have forwarded to the Government as the reason for leaving?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: That is a different question, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: I would like to understand what the question was.

Tuan V. David: Sir, those who have left the Government Service—the top civil servants—what are the reasons they have given for leaving the Government Service?

Tuan Yang di-Pertua: That is a different question.

Tuan V. David: Thank you, Sir.

BIRO PENGADUAN AWAM—KESAN DAN TINDAKAN

3. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak-kah pengaduan² yang telah di-terima oleh Biro Pengaduan Awam semenjak Biro itu di-tubuhkan sampai hari ini;
- (b) bagaimana pula sambutan orang ramai terhadap Biro tersebut; dan
- (c) berapa ramai pula pegawai² Kerajaan yang telah di-ambil tindakan ka-atas mereka di-sebabkan pengaduan² dari orang ramai.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak Biro Pengaduan Awam di-lancarkan pada 26hb Julai, 1971 hingga 15hb November, 1971, sa-banyak 4,322 surat² pengaduan telah di-terima.

(b) Sambutan orang ramai terhadap penu-bohan Biro Pengaduan Awam ada-lah sangat baik.

(c) Sa-hingga hari ini, berpuncha daripada pengaduan daripada orang² ramai kepada Biro Pengaduan Awam itu sa-orang pegawai Kerajaan telah pun di-luchutkan dari jawatan-nya.

KOMPLEKS POLIS STESHEN DI-IBU KOTA

4. **Tuan Ramli bin Omar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dalam persediaan Ibu Kota Malaysia (Kuala Lumpur) menjadi Bandaraya, sama ada Kerajaan berchadang hendak membena kompleks Polis Steshen di-Ibu Kota ini supaya setaraf dengan keadaan sa-buah Bandaraya yang mana chukup lengkap dengan alat² kemudahan yang moden.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, ada chadangan, tetapi belum muktamad lagi.

PONDOK² POLIS DI-BANDAR KUALA LUMPUR

5. **Tuan Ramli bin Omar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan Pondok² Polis di-kawasan Bandar Kuala Lumpur;
- (b) berapa-kah perbelanjaan-nya;
- (c) mengapa ada yang di-bena sangat² berdekatan di-antara satu dengan lain; dan
- (d) mengapa-kah pondok² ini tidak di-lengkapkan dengan alat² perhubungan dan ada-kah chadangan hendak melengkapkan-nya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 82 buah.
- (b) perbelanjaan-nya di-biaya dengan wang² derma orang ramai dan Jawatan-kuasa Muhibbah. Pehak Polis hanya membayar bil² letrik dan ayer sahaja.
- (c) pembenaan Pondok² Polis ada-lah berdasarkan kepada sebab² berikut:
 - (1) Kejadian² jenayah
 - (2) Ramai penduduk
 - (3) Kesebukan lalu lintas.

Oleh yang demikian mungkin timbul kepentingan untuk membena Pondok² Polis yang berdekatan di-sesuatu tempat itu.

- (d) Kenyataan Pondok² Polis tidak di-lengkapkan dengan alat² perhubungan itu ada-lah tidak benar. Sa-benar-nya 80% daripada Pondok² Polis itu telah di-lengkapkan dengan alat² perhubungan dan Kerajaan memang berchadang hendak melengkapkan-nya semua sa-kali dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian ranchangan untuk menubuhkan Pondok² Polis ini di-dalam kawasan lain khas-nya di-bandar² besar di-seluruh negeri kita.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ada chadangan.

Tuan Ahmad bin Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada pehak Kementerian yang berkenaan ia-itu Pondok² Polis yang telah di-adakan di-dalam bandar umpama-nya di-bandar Kuala Lumpur ini amat menarek, tetapi ada-kah ranchangan bagi pehak Kementerian tersebut supaya dapat mengadakan Pondok² Polis yang sa-rupa ia-itu kepada kawasan² di-luar bandar. Dan ada-kah bagi pehak Kementerian ini sedar atau tidak ia-itu berhubung dengan perkataan Pondok Polis ini ada sa-tengah² Pondok Polis di-luar bandar di-katakan Police Base atau pun Police Post. Bagaimana-kah ranchangan atau pun ada-kah pehak Kementerian tersebut hendak menyamakan perkataan Pondok Polis itu kepada keseluruhan-nya Pondok Polis yang ada di-dalam negara kita

Tuan Mohamed Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada chadangan hendak mengadakan Police Post di-bandar² besar dalam negara kita ini. Dan di-luar² bandar sudah pun ada Pondok² Polis dan nama Pondok² Polis ini akan di-kekalkan.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan. Ada-kah perkhidmatan dari Pondok² Polis di-Kuala Lumpur sekarang ini untuk 24 jam atau untuk beberapa jam sahaja.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, di-satengah² pondok ada-lah 24 jam bertugas tetapi pondok² yang lain tidak

bagitu lama 12 jam atau 8 jam mengikut tempat masing².

Tuan Ahmad bin Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu lagi dalam masaalah berhubung dengan perkataan Pondok Polis. Ada-kah Kementerian ini sedar ia-itu istilah Pondok Polis di-luar² bandar ada sa-tengah bertulis dengan perkataan Police Base dan juga Police Post tidak sama perkataan yang di-gunakan di-dalam bandar Kuala Lumpur. Ada-kah ranchangan Kementerian ini hendak menyamakan perkataan ke-seluruhan Police Base kepada Pondok Polis yang ada di-seluruh negara termasuk luar bandar, kalau ada, bila masa hendak di-laksanakan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya pun kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Police Base, barangkali perkataan itu di-gunakan mengikut kebiasaan tempat masing², tetapi yang sa-benar-nya ada-lah Pondok Polis.

SIJIL² KERA'AYATAN DI-BAWAH PERKARA 30

6. Tuan Chan Fu King: (Di-bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi angka² terakhir bagi:

- (a) jumlah sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang telah di-kembalikan untuk pengesahan;
- (b) jumlah sijil² yang telah di-anggap sah;
- (c) jumlah sijil² yang di-anggap tidak sah;
- (d) dari jumlah sijil² yang tidak sah, nyatakan jumlah yang telah memohon sa-mula di-bawah Perkara² Perlembagaan mengikut kelayakan mereka;
- (e) jumlah yang telah di-beri kera'ayatan salepas memohon sa-mula; dan
- (f) jumlah permohonan yang telah ditolak sa-lepas mereka memohon sa-mula.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang telah di-kembalikan untuk pengesahan ia-lah ... 105,547
- (b) Jumlah sijil² yang telah di-nyatakan sah ia-lah ... 91,615
- (c) Jumlah sijil² yang di-nyatakan tidak sah ia-lah 13,265

- (d) Dari jumlah 13,265 orang yang mempunyai sijil yang tidak sah itu maka bilangan mereka yang telah memohon sa-mula di-bawah Perkara 12 Perlembagaan mengikut ke-layanan mereka ia-lah ... 7,861
- (e) Jumlah orang yang telah di-beri kera'ayatan sa-lepas memohon sa-mula ia-lah ... 3,676
- dan (f) Jumlah permohonan yang telah di-tolak sa-lepas me-reka memohon sa-mula ia-lah ... 806

Angka² ini kedudukan-nya ia-lah pada 30hb November, 1971.

Tuan Chan Fu King: (*Dengan izin*) Can the Deputy Minister of Home Affairs assure the House that this Article 30 was cancelled and verify that they are in order and there will be no trouble next time?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Atikel 30 tidak di-batalkan—tidak di-kenselkan—ada dalam Perlembagaan dan tidak boleh hendak di-batalkan.

Tuan Chan Fu King: Can the Deputy Minister of Home Affairs assure those who have their citizenship cancelled and who re-apply under Article 19 of the Constitution will be granted citizenship?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak memberi assurance tetapi kita nasehatkan mereka sendiri memohon, kalau mereka tidak hendak memohon kita tidak boleh hendak buat apa² itu kehendak masing². Kita beri per-timbangan mengikut syarat².

Tuan Chan Fu King: Mr Speaker, Sir, can the Deputy Minister of Home Affairs assure the House that those who have applied for citizenship under Article 19 and passed the language test, because they have been convicted in court or have been detained by the police, had their applications rejected by the Minister of Home Affairs although they had passed the language test. Will the Minister assure the House that he will re-consider and give them back their citizenship under Article 19 as some of them do not have birth certificates and they are forced to apply under Article 19 of the Constitution.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kita akan timbangkan mengikut merit masing².

Tuan V. David: (*Dengan izin*). Sir, the rights maintained by the Home Ministry to a certain degree have been abused. Can the Minister tell this House if such applications are made, especially appeals, what criterion the Ministry follows in deciding those applications?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu ada-lah hak mutlak kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, as I have already said, such rights are being abused. Will the Minister assure this House that these rights are not abused and the Government will strictly abide by the provisions of the Constitution and also have certain amount of justness and fairness when deciding on these applications?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Sa-kira-nya di-dapati Kementerian ada abuse, Yang Berhormat boleh challenge di-mahkamah.

Tuan V. David: If that is the view of the Minister, I am sorry for him. We will go to the courts. (*Ketawa*)

Tuan Chan Yoon Onn: (*Dengan izin*) In view of the holders of Article 30 citizenship certificates, will the Minister take steps to waive the language test for those people who reapply for citizenship?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Perlembagaan sudah ada, tidak boleh hendak pinda Perlembagaan, kechuali Parlimen ini meminda-kan.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister assure this House that there would not be a re-verification of the verified certificates in future suddenly if the Government strikes such a fancy?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, ta' guna re-verify lagi apabila di-dapati sah betul.

Dr A. Soorian: That being the case then I demand to know why in the first place the Article 30 certificates were queried. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: This is not a place where you demand.

Dr A. Soorian: I beg your pardon, Tuan Speaker. I would like to know why in the first place the Article 30 certificates were queried at all.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ini sudah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri dalam meshuarat yang lepas.

Tuan Chan Fu King: (*Dengan izin*) Can the Deputy Minister of Home Affairs assure the House that when these Article 30 certificates were cancelled and the holders applied under Article 15 (1), 15 (2) and 15 (3) of the Constitution, in the case of those who do not have birth certificate or whose birth certificate when they applied for an extract had no entry in the records and they were forced to apply under Article 19 of the Constitution, whether these people will be granted citizenship? Considering that these people are holders of Article 30 certificates, will the Minister consider giving them back the certificate under Article 19 of the Constitution.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita akan menimbangkan mengikut kehendak Perlembagaan dan mengikut Undang².

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Speaker, saya rasa ragu² sedikit tadi kerana Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu hendak menyoalkan sama ada Yang Berhormat Menteri itu memberi jaminan kepada Dewan ini supaya tidak putus dalam menjalankan kuasa-nya dalam keadaan ini, dalam kontek ini. Dan jawab-nya

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka-lah ingin mendengar apa soalan-nya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan ini, Tuan Speaker, tidak-kah di-angap oleh Yang Berhormat Menteri itu elok untuk imej Kerajaan jika satu jaminan yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat itu di-beri.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita ta' payah memberi jaminan dan kita ta' pernah menyalah-gunakan kuasa kita.

PINJAMAN PERUMAHAN BAGI PEKERJA²

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pekerja² dan

jumlah pinjaman perumahan, yang telah Kerajaan beri kepada pekerja², beri angka² yang berlainan untuk:

- (i) Bahagian Satu;
- (ii) Bahagian Dua;
- (iii) Bahagian Tiga;
- (iv) Bahagian Empat dan pekerja² Perusahaan dan Buroh Kasar.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) The number of applications and the amount of loans approved for the period 14th November, 1970 to the end of November, 1971 are as follows:

I shall read the figures in three columns. The first column will refer to the Division of the officer concerned, the second column will give the number of applicants and the third column, the amount of money applied for and approved.

Division	No. of applicants	Amount of Money applied
I ...	289	\$10,893,918
II ...	167	3,480,031
III ...	120	1,567,106
	576	\$15,941,055

Up to the end of November, 1971, no applications from Division IV and the IMG have yet been approved because they have not yet been emplaced on the permanent and pensionable establishment. It is expected that many applications will be received from this group of employees as soon as they are emplaced on the pensionable establishment.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) How long will it take to place them in the pensionable scheme.

Tun Tan Siew Sin: The Government is doing everything it can to expedite this process.

PENYAKIT² MATA/CHACHING KERAWIT—LANGKAH² MENYEKAT

8. **Tuan Edwin anak Tangkun** bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada Kementerian beliau akan menjalankan kajian² di-Sarawak ka-atas (a) penyakit mata; (b) penyakit chaching kerawit, dan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil bagi menyekat penyakit² ini daripada merebak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, meshuarat yang bersidang semalam, waktu saya menjawab di-antara ucapan² telah pun saya menerangkan berkenaan dengan chaching kerawit dan langkah² yang telah di-ambil untuk mencheegah penyakit itu daripada merebak.

Mengenai penyakit mata Kementerian saya telah menjalankan beberapa kajian sachara terhad mengenai kejadian penyakit itu dan saya suka menegaskan bahawa langkah telah di-ambil untuk mencheegah merebaknya penyakit itu. Pakar² penyakit mata dari Kuching dan Sibu telah membuat lawatan yang kerap untuk merawat pesakit² di-Hospital² Daerah, Dispensari² di-luar bandar. Dalam tahun 1972 Klinik Mata Bergerak akan di-adakan di-Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga dalam negeri Sarawak. Pembantu² Hospital juga di-lateh untuk merawat penyakit mata yang chemas dan biasa buat sementara menunggukan pakar² mata melawat ka-kawasan² itu.

Tuan Edwin anak Tangkun: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that there is a great need for eye specialists to travel to the villages and longhouses in the rural and ulu areas in Sarawak in order to give eye treatment for those who cannot afford to go for treatment to town and urban centres?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (Dengan izin) I have already assured that we are making preparations for 1972 with this mobile dispensary and we hope the specialists can spare the time. We are very short of specialists. We will do our best.

Tuan Edwin anak Tangkun: Will the Honourable Minister state how many eye specialists are in active service in Sarawak and is this number enough to cover the needs for the whole State.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: I cannot tell you off hand. But if you are short, that is why I am still recruiting from overseas. Give your blessing and support.

Tuan V. David: (Dengan izin) The Honourable Minister has just admitted that we do not have enough of specialists, but if in case we do not have enough of specialists, would the Government consider permitting Singapore specialists to come and practise in Johore Bahru?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, may I reply to the Honourable Member from Dato Kramat in English? (*Dengan izin*) As far as specialists are concerned, the difficulty is not serving Johore Bahru—not because it is my home-town—but to serve the people in the rural areas is what we are more concerned. When we try to recruit we make sure that the specialists are prepared to go to rural areas, otherwise there is no point in employing some of these specialists who dare not go to the rural areas. I hope the Honourable Member will bear that in mind. (*Ketawa*).

Tuan V. David: Sir, if applications are made by Singapore citizens, will the Government consider accepting them.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: I do not know—I am not the Public Service Commission. We will look into all the merits and demerits.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, it is a matter of policy. I am sure the Minister knows whether he considers applications from Singapore or not. It is not an administrative matter; it is purely a policy matter. Sir, I am sure the Minister is aware of it and will he tell this House whether he can or cannot consider. The question is: Will the Government consider applications from Singapore if they would like to join the Medical Service of Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: That question is hypothetical. Is it not?

Tuan V. David: Will the Government consider, Sir, applications from Singapore citizens to join the Medical Service of Malaysia?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, if there are applications we will see to it whether there is any merit or demerit.

Tuan Yang di-Pertua: It is an entirely different question.

Tuan Fan Yew Teng: (Dengan izin) Will the Government in its recruitment of overseas medical specialists, as stated by the Minister, give priority to such medical specialists from ASEAN countries rather than from far away countries like England or America so as to cut down recruitment costs.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for

Kampar speaks through his cheek, to choose my words. I have been rounding the world to get specialists. They are short everywhere in the world. So wherever there are applications from we will consider them. It does not matter if they are from the moon. (*Ketawa*)

Tuan Fan Yew Teng: Then is the Honourable Minister aware of the statement made just a few days ago by the Singapore Minister for Science and Technology calling for some form of understanding on the dispersal of medical specialists and doctors among ASEAN countries?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Member for Kampar: Has he got the authority to be his agent? (*Ketawa*) If not, I would like to say here we do not employ doctors from anywhere if they are not prepared to serve in the rural areas where we are very short of doctors and we know doctors from Singapore, when they are sent to the rural areas, they resign—the same thing with doctors here in Malaysia. So the Honourable Member for Kampar should be aware of this fact.

Tuan Fan Yew Teng: Is it not a fact that one of the reasons medical specialists do not stay long or do not wish to be sent to the rural areas is that not adequate housing and other facilities are provided for them there?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: We have quarters attached to all the health centres in the rural areas. In fact, the moment they get a posting order to the rural areas, within 24 hours they resign. I can show you why. I have given the reasons in this House and that is why we do not employ doctors unless they are prepared to serve in the rural areas and in view of the legislation that you all have kindly supported we have 200 doctors almost every year with one or two years' experience but we are still short of senior doctors and specialists and that is why I am trying my level best to recruit from whichever friendly countries wishing to help us.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) The Minister just now said that the moment the doctor is asked to go to the rural areas he submits his resignation. Such being the case, why not the Minister consider giving scholarships to our

medical students here making them sign a contract that after qualification they should serve in the rural areas for a mandatory period of, say, 5 years or something similar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Port Dickson should be aware—he was in the Government Service for a while—we have got ample scholarships for the younger doctors who want to go for specialisation. In fact, we have sent many on scholarship. When they come back they are bound to serve five years, but because the penalty is so low they can even pay by instalments. So they buy themselves out. We are looking into the conditions. If they are short by one month, and they have to pay \$100,000, then they have to pay \$100,000. There will be no loophole by which they can buy themselves out cheaply and get out for private practice, like many of them who think of themselves but not think of their country.

Dr S. Seevaratnam: (*Dengan izin*) Is the Minister aware that as a result of this two-year compulsory service for newly-graduated doctors many of them have not registered in Malaysia with the Malayan Medical Council and, if so, could he tell this House how many of them have not done so and the reasons for not doing it.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: This is a different question. You want "How many?" I must ask my officials and I will supply you with the figure. But there are many because once they have done their housemanship they are registrable, but they have to serve the Government for two years. If they do not serve two years, I am afraid they have to be de-registered.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Speaker, will the Honourable Minister consider extending this two-year compulsory service for doctors to five years just as teachers are compelled to.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: I wish I could have used all the five years. I know in Ceylon they have five years service, but some countries four years and some countries three years. I took the least—two years. Even then at first they were grouching. But we hope many other professional bodies will also be conscripted to do the National Service.

Dr S. Seevaratnam: If this new law's purpose has been defeated by these graduates registering themselves in other countries, would the Minister say what steps he intends to take in order to stop this practice.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: I beg your pardon.

Dr S. Seevaratnam: In view of the fact that after passing this new legislation many of these doctors, instead of registering themselves here with the Malayan Medical Council, have decided to register in foreign countries, would the Minister say here what steps he intends to take in order to stop this practice.

Peguan Negara: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Ini soal chaching kerawit dengan sakit mata, apa kena-mengena soal berpanjangan bagini. Ini soal sakit mata dengan chaching kerawit di-Sarawak. Ini sudah merebak. Saya minta ruling, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham dan saya mendengar, tetapi sa-lagi Yang Berhormat Menteri hendak menjawab (*Ketawa*) jadi bagi puas hati kepada dia (*Tepok*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: For clarification, the question asked was the shortage of specialist doctors. That is why I have to make a statement in this House. We are short of specialists, we are short of doctors, but we are not short of young doctors in view of the legislation; we have 200 doctors every year.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister please enlighten this House is it a fact that the setback in recruiting these specialists is due to the poor wage scale as well as the lack of up to date facilities?

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu—saya minta Yang Berhormat Menteri itu tidak menjawab sebab ini soalan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi saya ingin mendapat tahu, mendapat penjelasan, beliau telah mengatakan Klinik Mata Bergerak. Saya hendak tahu, klinik yang bergerak-kah atau mata yang bergerak? (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dua² bergerak, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kelinik ta' bergerak, mata yang hendak di-buat pun ta' bergerak. Jadi, kedua²-nya bergerak. Tentu-lah kelinik yang bergerak kerana men-chari orang yang sakit mata, yang jauh², yang ta' dapat datang.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN —MENUNGGU KEPUTUSAN

9. Dato' James Wong Kim Min minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menerangkan sama ada sa-saorang yang telah tinggal di-Malaysia beberapa lama (akan tetapi oleh kerana tidak mengerti ia telah tidak membuat permohonan kewarganegaraan-nya sa-belum itu) hanya sekarang telah membuat permohonan tersebut, akan di-benarkan bekerja di-Malaysia sementara menunggu keputusan atas permohonan kewarganegaraan-nya.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, orang² yang bukan warganegara yang berikut ada-lah di-benarkan bekerja sa-telah mendapatkan Permit Kerja:

- (a) isteri bagi warganegara,
- (b) mereka yang lahir di-negeri ini dan berhak mendapat kewarganegaraan di-bawah Perkara 16, Perlembagaan,
- (c) mereka yang lahir di-negeri ini dan di-bawah umur 21 tahun dan berhak mendapat kewarganegaraan di-bawah Perkara 15 (3), Perlembagaan,
- (d) mereka yang layak menjadi warganegara sa-chara memasokan (naturalisation) dan telah membuat permohonan untuk menjadi warganegara sa-belum 1hb Julai, 1969.

Permit² juga ada-lah di-keluarkan kepada orang² yang bukan warganegara, jika chalun² yang layak tidak di-dapati. Kes yang di-soalkan itu boleh termasuk di-dalam (d).

Dato' James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Minister then—and am I correct on that point in assuming—that what the Honourable Minister meant was that anyone who is eligible to apply for citizenship, and has done so, would, therefore, be permitted to work pending a decision on the application?

Tan Sri V. Manickavasagam: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have just replied to say that those who are eligible to become citizens

and who have applied before 1st July, 1969 are being considered and they have been issued with permits too.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat, apa-kah tindakan Kerajaan jika di-dapati ada orang yang menjadi buroh dalam negeri ini yang bukan warganegara.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau dia kerja sendiri jadi kita tidak boleh buat apa². Jikalau dia bekerja dengan sa-siapa majikan, dia mesti ada valid permit.

Dato' James Wong Kim Min: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, may I ask the Honourable Minister whether he is aware that this ruling which the Minister has just told the House has not been practised in the State of Sarawak because some people who had applied for citizenship in the past—I mean before the deadline mentioned—have been sacked from the Local Councils and other bodies and even from private firms because the Labour Department disallowed them to work since they are not citizens?

Tan Sri V. Manickavasagam: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as I have explained earlier, probably there are suitable candidates who are already citizens to fill these posts.

Dato' James Wong Kim Min: Mr Speaker, Sir, does not the Government consider the hardship, particularly of these people who are mostly illiterates because they do not know about the law and so they have not applied earlier? Would not the Government give sympathetic consideration to these people in the rural areas in particular, who through ignorance, have not applied earlier for citizenship but who in the meanwhile have to make a living?

Tan Sri V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, the Government has also to consider the hardships of those who have been citizens—who have already gone through the process of becoming citizens and who have also applied and got their citizenship.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat itu tahu sendiri, bahawa buroh² di-Pesurohjaya Ibu Kota ini sendiri ada berpuluh² orang yang bukan warganegara.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat itu boleh beritahu di-mana tempat, jadi kita boleh ambil tindakan.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi penerangan kapada-nya dengan apa risalah yang saya dapati.

MENANAM TUMBOH²AN DI-LAWAS

10. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menganjurkan kemungkinan menanam tumbuh²an kawasan berhawa sederhana di-Tanah Tinggi Murut dalam Daerah Lawas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Tanah (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini Kementerian ini belum ada ranchangan.

Awang Bungsu bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri dapat tahu dalam kawasan yang tersebut ini Tanah Tinggi Murut dalam Daerah Lawas, petani² di-sana telah menanam sedikit² pertanian seperti buah² apple, anggor, limau, sayur kubis dan ubi kentang dan lain². Dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberikan bantuan supaya petani² mereka dapat diperkembangkan lagi supaya dapat di-jual keluar negeri.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya berpeluang melawat Sarawak nanti, saya akan selidek perkara ini dan akan berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tabahan. Bila-kah Kementerian Pertanian akan melancharkan ranchangan-nya di-Tanah Tinggi, ia-itu di-Bariom di-Daerah Baram di-negeri Sarawak itu. Mengikut yang di-jelaskan oleh Kementerian Pertanian samasa lawatan-nya pada dua tiga bulan yang telah lalu.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, walau pun ini soalan lain, tetapi sa-takat ini saya belum dapat memberikan jawapan.

LADA HITAM—LANGKAH² MEMASARKAN

11. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Tanah menyayakan:

- (a) apa-kah langkah² yang telah di-ambil bagi memperbaiki kemudahan² yang ada untuk memproses dan memasarkan lada hitam dari negeri Sarawak; dan
- (b) apa-kah tindakan yang telah di-ambil bagi memudahkan perkapalan terus-menerus ka-negara² pengguna bagi mengurangkan keuntungan² yang di-buat oleh orang² tengah.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan² memproses dan memasarkan lada hitam yang ada sekarang ini pada 'am-nya berupa kemudahan² kerja² membersehi, mengering, memilih dan menyimpan yang di-usahakan oleh kedua² pehak, ia-itu pehak awam dan pehak swasta.

Di-pehak awam (Sarawak Development Corporation) pada masa ini sedang mengendalikan kemudahan² ini di-Sarikei. Di-pehak swasta pula beberapa orang pengeksport² lada hitam di-Sarawak ada mengendalikan satu atau lebih daripada kemudahan² seperti ini bergantung kepada taraf perdagangan mereka dan sama ada mereka menjualkan kebanyakan lada hitam mereka ka-Singapura atau terus ka-negara² pengguna di-seberang laut. Kerajaan telah mewujudkan satu ranchangan pemasaran lada hitam di-bawah Akta FAMA untuk di-laksanakan di-negeri² Sarawak dan Johor dengan tujuan hendak memperbaiki pemasaran lada hitam daripada negeri² yang menanam lada hitam ini, terutama-nya dengan mengadakan peratoran² memperingkat mutu lada hitam sa-belum ia di-eksportkan. Untuk melaksanakan ranchangau ini sa-buah Jema'ah Pemasaran Lada Hitam telah pun di-tubuhkan. Jema'ah ini mempunyai ranchangan² untuk membena pusat² memperingkat mutu lada hitam di-Kuching dan di-Sarikei. Di-Sarawak dan di-Johor Bahru dari di-pusat² ini, kemudahan² akan di-sediakan untuk memproses lada hitam. Di-samping itu pengeksport² lada hitam terutama-nya pengeksport² yang besar² akan di-galakkan untuk memperluaskan dan memperbaiki kemudahan² untuk memproses lada hitam supaya pemasaran lada hitam yang telah di-peringkat mutu sa-chara resmi itu dapat di-kembangkan lagi.

Salah satu daripada tujuan ranchangan pemasaran lada hitam yang baharu sahaja di-sebutkan ia-lah untuk memperluaskan eksport lada hitam terus ka-pusat pasaran di-negeri pengguna di-seberang laut. Untuk tujuan ini usaha² untuk menghebahkan dan untuk memperkembangkan quality lada hitam Sarawak keluar negeri melalui wakil² pedagang Malaysia akan di-atorkan. Seperti Yang Berhormat ma'alum, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah melantek Pesuruhjaya² perdagangan yang di-tempatkan di-pusat² pemasaran di-Amerika Sharikat, United Kingdom dan Eropah.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan berchadang hendak mengadakan wang bantuan untuk penanaman² lada di-Sarawak kerana kebanyakan penduduk² di-luar bandar hendak menanam lada tetapi kekurangan modal. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan supaya mereka berpuas hati.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal ini akan di-timbangkan dan pada masa akan datang ini, Kementerian ini sedang menggalakkan penubuhan Persatuan² Peladang di-harapkan melalui Persatuan² Peladang ini-lah bantuan atau pun lain² kemudahan dapat di-salurkan.

NELAYAN² PANTAI/PUKAT TUNDA— PUNCHA PERKELAHIAN

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah adakah telah sampai kepada pengetahuan beliau hal perkelahian antara nelayan² pantai dengan nelayan² pukat-tunda; jika ada, apakah puncha-nya, berapa kali telah berlaku sejak Malaysia di-tubuhkan dan berapa banyak kerugian nyawa dan harta benda.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Perkelahian di-antara nelayan² pantai dan nelayan² pukat-tunda ada-lah di-dalam pengetahuan Kementerian ini. Perkelahian² yang telah terjadi ada-lah berpuncha kepada perasaan salah sangka dan iri hati yang timbul di-kalangan tuan² punya bot kecil dan per-kakas² menangkap ikan chara biasa. Perasaan ini timbul kerana pada awal-nya chuma bot² yang besar sahaja di-beri kebenaran memukat-tunda di-masa itu perkelahian berlaku hanya apabila bot² pukat-tunda ini di-dapati melanggar syarat, mithal-nya memasoki kawasan yang di-haramkan.

Bilangan perkelahian pada waktu itu ia-lah 9 kali di-Pulau Pinang dan sa-kali di-Dinding, Pantai Remis. Sa-lepas itu dengan permohonan kebanyakan daripada tuan² punya bot kechil dan perkakas biasa memukat-tunda telah juga di-benarkan bagi bot² mereka, tetapi dari mereka yang tidak bersetuju itu tentangan hebat maseh berlaku, khas-nya daripada kawasan nelayan Tanjong Dawai, Kuala Muda, Tanjong Piandang, Kuala Kurau dan Krian.

Di-Tanjong Dawai tuan² punya motobot² kechil telah mengadakan tunjok perasaan dalam mana mereka telah melarikan dan membakarkan dua bot pukat-tunda. Sa-lepas kejadian ini memukat-tunda di-perayeran Tanjong Dawai telah di-haramkan.

Di-Perak perkelahian berlaku sa-masa nelayan² dari Tanjong Piandang dan Kuala Kurau berpechah bahawa sa-tengah daripada mereka telah mengambil ketetapan akan terus menggunakan perkakas biasa dan akan tetap tinggal di-kawasan² ini. Sa-bahagian lagi telah memilih untuk menggunakan pukat-tunda dan telah berpindah ka-Port Weld untuk pukat-tunda tidak di-benarkan di-perayeran Krian. Perkelahian ini kemudian telah melibatkan nelayan² pukat-tunda yang sedia ada di-Port Weld. Ini telah menimbulkan serang-menyerang di-antara nelayan di-antara dua kumpulan ia-itu kumpulan nelayan Port Weld dengan nelayan² Tanjong Piandang dan Kuala Kurau. Seterus-nya anasir² jahat telah juga masuk champor dalam pertelingkahan ini.

Semenjak Malaysia di-tubuhkan 45 kali serang-menyerang berlaku di-Krian dan 17 kali di-Larut dan Matang. Bilangan kematian ia-lah 13 nelayan: 8 di-Pulau Pinang dan 5 di-Perak.

Jumlah harga motobot dan perkakas² yang telah musnah ia-lah lebeh kurang \$210,600 ia-itu \$45,000 di-Pulau Pinang, \$20,600 di-Kuala Kedah dan \$145,000 di-Perak

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah perkelahian antara dua puak ini berpuncha daripada gulungan nelayan² yang miskin dengan gulungan nelayan yang kaya.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dalam masaalah perkelahian ini boleh di-katakan bukan-lah di-antara yang miskin dengan yang kaya, tetapi ada-lah di-antara yang miskin dengan yang miskin.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara jawapan yang telah di-beri oleh Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan perkelahian ini telah di-champori oleh anasir jahat. Saya ingin tahu ada-kah dalam kumpulan ini termasuk "Raja Laut" yang baharu di-tembak mati baharu² ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada "Raja Laut" champor dalam masaalah ini atau tidak, tetapi daripada bukti yang di-dapati ada di-antara kumpulan² atau anasir² jahat yang terlibat di-dalam masaalah perkelahian ini.

Tuan V. Veerappen: (*Dengan izin*) Supplementary question, Mr Speaker, Sir, in view of the continued occurrence of these clashes between the inshore fishermen and trawler fishermen, what action has the Government taken to prevent these clashes; and number two, in view of the fact that the penalties provided in the law to punish trawler fishermen who venture into the fishing areas of inshore fishermen is inadequate to stop this menace, would the Minister consider amending the law to provide for stricter penalties or stricter and increased penalties.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, Undang² berkenaan dengan hukuman kepada orang² yang bersalah di-dalam melanggar kawasan itu ada-lah berat dan saya fikir tidak-lah hendak di-beratkan lagi pada masa ini. Dalam masaalah ini pehak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengelakkan berlaku-nya perkelahian di-antara dua pehak ini. Di-antara-nya ia-lah pehak Kerajaan telah pun mengadakan peruntukan bagi membena bot² ronda yang lebeh banyak dan ronda² ada-lah di-jalankan dengan lebeh kerap-nya lagi. Dan pada dua bulan yang sudah dua operasi telah berlaku ia-itu Gulong Satu dan Gulong Dua di-mana beberapa buah bot telah pun dapat di-tangkap dan juga anasir² jahat yang terlibat dalam perkelahian ini juga telah dapat di-tangkap dan keadaan boleh di-katakan tenang pada masa sekarang ini. Chuma satu dua perkelahian sahaja telah berlaku dalam masa minggu sudah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan ia-itu penangkap ikan atau

pun nelayan miskin, bot kechil dan nelayan miskin bot besar bergaduh. Saya hendak bertanya apa salah-nya Menteri yang bertanggung-jawab menyatukan nelayan bot kechil di-jadikan bot besar, di-beri perkakas baik² supaya jangan bergaduh, ada-kah elok atau tidak buat bagitu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, ikhtiar dan langkah² menuju ka-arrah ini telah pun di-jalankan sejak beberapa tahun yang sudah. Pehak Kerajaan dan Kementerian saya berpendapat ia-itu perusahaan menangkap ikan dengan menggunakan pukat-tunda dan pukat² yang tertentu ada-lah menambahkan pendapatan kepada nelayan² dan ikhtiar untok nelayan² kechil ini mengambil bahagian di-dalam perusahaan pukat-tunda telah juga di-usahakan sa-umpama pehak Kerajaan mengadakan ranchangan di-Kelantan, di-Trengganu, Pahang dan meminta pehak nelayan di-Langkawi, Tanjong Dawai, Tanjong Piandang, Pantai Remis, Pangkor dan lain² supaya menukar usaha mereka daripada chara lama kepada chara baharu. Tetapi ada di-antara nelayan² ini dengan desakan² daripada pehak anasir² yang tertentu telah menolak anjoran² Kerajaan ini dan mereka maseh lagi menetap kepada menangkap ikan chara lama yang mana pendapatan-nya sangat-lah kechil berbanding dengan pendapatan daripada perusahaan pukat-tunda.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Apa-kah kehasilan kajian yang telah di-buat berhubung dengan nelayan² China supaya mereka menerima dasar perikanan Kerajaan kita.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, nelayan daripada negeri China yang terbabit dalam masalaah ini chuma nelayan Malaysia sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bagini soalan saya. Apa-kah hasil kajian dan penyelidikan telah di-buat oleh jabatan kajian berhubung dengan nelayan² China ra'ayat Malaysia pada menerima dasar perikanan Kerajaan kita.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengadakan kajian khas untok nelayan² Malaysia yang berketurunan China atau berketurunan Melayu atau India tetapi apabila kita menjalankan kajian, keseluruh nelayan di-

Malaysia dan nelayan² Malaysia yang berketurunan China ini telah pun kebanyakannya menjalankan perusahaan pukat tunda sa-umpama di-Selangor, di-Pangkor dan lain². Jadi masalaah ini, baik daripada keturunan Melayu mahu pun keturunan China sa-tengah daripada-nya telah menyambut baik kepada usaha Kerajaan bagi menjalankan perusahaan pukat tunda.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut perkataan Yang Berhormat Menteri, puncha pergaduhan ini ada-lah champor tangan dari anasir² jahat. Saya ingin mendapat tahu ada-kah masalaah yang kini sedang mengancam nelayan² di-Dungun dan Kemaman, Trengganu, seperti yang tersiar di-dalam akhbar hari ini ada kait-mengait dengan masalaah ini atau pun tidak?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pengaduan sa-umpama itu sampai kepada saya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang diterangkan oleh Menteri Besar Trengganu, berdasarkan kepada siaran akhbar, bahawa perkara ini telah di-laporkan kepada Kerajaan Pusat, ada-kah perkara itu sudah sampai atau belum kepada Kerajaan Pusat?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang berlaku di-pantai Kemaman ia-itu sa-jauh lebeh kurang 60 batu dari pantai Kemaman itu, bukan-lah pencherobohan yang di-lakukan oleh nelayan² pukat tunda Malaysia ka-atas nelayan² tepi pantai di-Kemaman, tetapi ada-lah oleh nelayan² daripada negara asing. Jadi perkara itu tidak ada kait-mengait dengan soalan ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. (*Dengan izin*) what steps are being taken to ensure that the inshore and the trawler fishermen do not fight each other again?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu-lah jawapan yang telah di-beri semenjak daripada awal tadi, chuma barangkali Ahli itu tidak mengikuti apa yang saya jawab.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada sa-makin kerap-nya pergaduhan

antara dua pehak nelayan ini, ada-kah pehak Kementerian yang berkenaan berchadang untuk mengkaji sa-mula pemberian atau pun pengeluaran lesen² pukat tunda kechil ini?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, kajian sentiasa di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 13 hingga 39 ada-lah di-beri di-bawah ini).

LESEN TEKSI—TINDAKAN ORANG YANG TERLIBAT

13. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai orang yang mempunyai dua atau lebeh lesen teksi. Jika demikian, berapa orang yang terlibat dan apa-kah tindakan untuk memberhentikan perkara ini.

Menteri Pengangkutan Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada-lah tidak benar bahawa ramai orang yang mempunyai dua atau lebeh lesen² teksi/kereta sewa. Pada masa sekarang ada sa-banyak lapan belas pemegang² lesen persendirian yang mempunyai dua atau lebeh lesen² teksi/kereta sewa dan Kementerian akan berusaha untuk mengelakan pengeluaran lebeh daripada satu lesen kepada orang persaorangan pada masa akan datang.

RUMAH PEKERJA² KERETAPI TANAH MELAYU—MENYEDIKAN

14. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah langkah² tegas yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya untuk menyediakan rumah² yang lebeh baik dan berseh untuk Pekerja² Keretapi Tanah Melayu yang pada masa ini maseh lagi mendudoki rumah² yang burok di-sepanjang Jalan Bungsar, Kuala Lumpur dan juga di-merata² tempat di-seluruh Malaysia Barat.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Untuk menggantikan rumah² di-Jalan Bungsar, dua belok rumah pangsa sedang di-bena di-Bukit Bungsar dan akan siap pada awal tahun 1972. Pelan sedang di-reka untuk mendirikan lagi rumah² pangsa bagi kakitangan² Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar di-Sentul

Pasar. Ranchangan juga sedang di-buat untuk mendirikan rumah² baharu menggantikan yang ada di-seluruh rangkaian Keretapi Tanah Melayu bagi keperluan kakitangan² kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar.

LESEN TEKSI—JUMLAH DI-KELUARKAN DI-PERAK

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah lesen teksi yang telah di-keluarkan kepada negeri Perak dari tahun 1969 hingga sekarang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Bilangan lesen teksi/kereta sewa yang telah di-keluarkan di-Negeri Perak di-antara 1-1-1969 sa-hingga 31-10-71 ia-lah sa-banyak 353 buah.

AKTA HASUTAN (PINDAAN) 1970

16. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Peguam Negara sama ada Akta Hasutan (Pindaan) 1970 akan di-batalkan memandangkan komen² yang telah di-beri oleh Ketua Hakim Tan Sri H.T. Ong yang pindaan tersebut ada-lah *ad hoc*, yang di-luluskan hanya untuk menghadapi kehendak² dan keadaan masa dan ia berharap yang pindaan itu akan di-batalkan bilamana kewajaran mengharamkan ulasan² yang menasabah atas perkara² mengenai kepentingan ra'ayat sudah tidak wujud lagi.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusoff): Pindaan kepada Akta Hasutan, 1948 itu ia-lah hasil daripada Ordinan No. 45 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 yang telah di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menghapuskan soal² sensitif daripada di-binchangkan di-khalayak awam. Ordinan itu ada-lah sa-bahagian daripada usaha yang di-jalankan dari segi undang² berikutan dengan shor² yang di-kemukakan dalam Kertas Puteh Majlis Gerakan Negara. Tujuan pindaan itu ia-lah untuk menghindar kenyataan² yang tidak terkawal atau tidak bertimbangrasa daripada di-buat oleh anasir² yang tidak bertanggung-jawab, ia-itu kenyataan² yang mungkin mengachau keamanan dan harmoni dalam negeri ini. Sayugia di-ingat bahawa Ordinan itu telah di-buat di-bawah Kuasa² Dharurat dan akan terus berkuat-kuasa sa-lagi Dharurat berkuat-kuasa. Boleh jadi, pada masa akan datang sa-lepas pendudok² negara ini pandai menghormati hak² dan keistimewaan² antara

satu sama lain, undang² ini tidak akan menjadi perlu lagi dan pada masa itu Kerajaan tentu sa-kali-lah sanggup menimbang bagi memansokhkan undang itu.

PEPEREKSAAN DARJAH ENAM DI-SARAWAK—KAJIAN

17. Tuan Lubat Wan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau akan membuat satu kajian mengenai murid² yang berhenti sekolah dan murid² yang gagal di-dalam Peperiksaan Darjah Enam di-Sarawak.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom dasar pelajaran, sistem pelajaran dan pentadbiran berkenaan dengan pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Walau pun demikian saya suka hendak memberi sedikit penerangan berkenaan dengan hal ini.

Menurut keterangan yang di-beri oleh Jabatan Pelajaran Sarawak, Jabatan-nya ada-lah sedar berkenaan dengan masalah 'drop-outs' di-sekolah² di-Sarawak terutama di-Sekolah² Rendah. Tetapi oleh sebab kekurangan tenaga yang berkebolehan, Jabatan itu belum lagi dapat mengadakan kajian yang sempurna. Ikhtiar² untuk menentukan sebab² 'drop-outs' daripada Pegawai² Pentadbir dan Pengurus Sekolah tidak-lah memuaskan dan kesimpulan² yang sahih tidak-lah dapat di-buat daripada jawapan² yang sa-bilangan kecil itu.

Jabatan Pelajaran Sarawak juga telah menegaskan bahawa perkataan 'failures' yang di-gunakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan murid² yang tamat Darjah Enam Sekolah Rendah itu ada-lah tidak tepat. Mengikut dasar yang ada sekarang di-Sarawak, kira² 30% dari semua murid² Darjah Enam di-Sekolah² yang di-Bantu ada-lah di-jamin mendapat tempat di-Sekolah² Menengah Kerajaan dan Sekolah² yang di-Bantu. Dengan yang demikian murid² yang tamat Darjah Enam di-Sekolah² Rendah akan mencari tempat di-Sekolah² Menengah yang lain. Soal tidak lulus (failing) peperiksaan tidak timbul.

LAPORAN SUROHANJAYA AZIZ— MELAKSANAKAN SHOR²

18. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah Kerajaan akan melaksanakan shor Laporan Surohan-

jaya Aziz yang menyatakan "Bahawa Kerajaan mesti-lah mengadakan sa-mula Peperiksaan Senior Middle III bagi tujuan mengambil guru² Bahasa China untuk mengatasi kekurangan guru² tersebut di-negara ini."

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-lain daripada tangga-gaji dan syarat² perkhidmatan, Laporan Surohanjaya Aziz ada juga membuat shor² berkenaan dengan perkara² yang berkaitan dengan pelajaran dan penyusunan Kementerian Pelajaran. Pada masa ini Kerajaan hanya telah membuat keputusan mengenai perkara berkaitan dengan tangga gaji, syarat² perkhidmatan dan Lembaga² Pengelola/Pengurus Sekolah². Shor² Surohanjaya itu berkenaan dengan pelajaran, termasuk perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ada-lah sedang dalam kajian Kerajaan.

PROFESSOR DI-RAJA DI-MAJLIS² UNIVERSITI

19. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai Professor di-Raja termasuk di-dalam Majlis² Universiti Malaya, Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan; kelayakan akademik mereka; tugas² mereka yang biasa; dan ada-kah pernah berlaku perselisihan dengan Ahli² lain dalam Majlis² itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-hingga sekarang, tidak ada Professor di-Raja di-lantek di-mana² universiti tersebut. Di-bawah Perlembagaan universiti², Professor di-Raja tidak menjadi Ahli Majlis Universiti.

PELAN INDOK KUALA LUMPUR— MEMPERBAIKI

20. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau berchadang untuk memperbaiki Pelan Utama Kuala Lumpur yang tidak lengkap seperti yang ada sekarang bagi menentukan kedai² yang ada sekarang tidak di-pindahkan ka-tempat² lain, dan sama ada beliau berchadang mengadakan Pelan Utama baru untuk Kuala Lumpur.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Ya.

Kementerian saya berchadang hendak memperbaiki Pelan Indok (Master Plan) Kuala Lumpur yang ada sekarang akan tetapi tidak-lah dapat memberi jaminan kedai² tidak akan di-pindahkan ka-tempat² lain. Pada masa ini Kementerian saya tidak berchadang hendak mengadakan Pelan Indok yang baru untuk Kuala Lumpur. Pelan Indok yang ada sekarang dengan di-buat pindaan dan di-perbaiki akan memadai untuk pembangunan Kuala Lumpur bagi beberapa tahun yang akan datang.

GURU² CHERGAS BERPOLITIK— KEBENARAN

21. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru² yang telah di-beri kebenaran mengambil bahagian di-dalam politik (bahagian chergas); dan juga jumlah guru² yang mana permohonan mereka di-tolak.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pada 10 haribulan ini Yang Berhormat Tuan Edwin Anak Tangkun dalam soalan mulut-nya bertanya sama ada Kementerian saya telah menchapai sebarang keputusan mengenai kedudukan guru² dengan politik dan meminta saya menyatakan tentang keputusan yang telah di-ambil.

Jawapan saya ia-lah:

"Sudah.

Bagi guru² Kerajaan, peratoran² yang telah di-buat ada-lah saperti yang terkandung di-dalam Perkeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1971 bertarikh 15hb Oktober, 1971. Peratoran² itu ada-lah saperti berikut:

- (1) Guru² Kerajaan yang termasuk dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan yang setaraf dengan-nya ada-lah di-tegah sama sekali dari mengambil bahagian dalam politik. Walau bagaimanapun sa-masa dalam chuti sa-belum bersara mereka boleh berchergas dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan di-perolehi terlebih dahulu.
- (2) Guru² Kerajaan yang lain dari Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan yang setaraf dengan-nya ada-lah bebas mengambil bahagian dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan di-perolehi terlebih dahulu.

Peratoran² bagi guru² bukan Kerajaan, termasuk guru² UTS, maseh dalam kajian."

Sa-belum Mei, 1969, 1,129 permohonan daripada guru² untuk mengambil bahagian chergas dalam politik telah di-luluskan dan 102 permohonan telah di-tolak.

Sa-lepas Mei, 1969, guru² di-tegah mengambil bahagian yang chergas dalam politik. Pada bulan Oktober, 1971, perkara ini telah di-kaji semula oleh Kerajaan dan keputusannya ada-lah saperti yang terkandung dalam Perkeliling yang saya sebutkan di-atas ia-itu Perkeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1971 bertarikh 15hb Oktober, 1971. Sa-hingga ini tidak ada permohonan yang telah di-buat kepada Kementerian Pelajaran.

TEKSI MENGGUNAKAN PERKATAAN "SEWA"

22. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang ramai susah membedzakan teksi daripada kereta² persendirian. Jika demikian, boleh-kah teksi menggunakan nombor yang berlainan serta mempunyai satu peti yang mengandongi perkataan "SEWA" di-atas-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Di-Malaysia Barat tidak ada masalaah kepada orang ramai untuk membedzakan di-antara teksi/kereta² sewa dan kereta² persendirian kerana kereta² yang di-gunakan untuk perkhidmatan teksi/kereta² sewa menggunakan warna nombor plate yang berlainan ia-itu latar belakang puteh dan nombor hitam. Tanda "TEKSI" ada di-letakkan di-bahagian hadapan bumbong bagi teksi² di-dalam bandar dengan menggunakan lampu berwarna kuning untuk kegunaan di-waktu malam. Di-kiri dan kanan pintu hadapan juga ada bertulis nama² pengkalan teksi/kereta² sewa itu dan semua bahagian bumbong teksi/kereta² sewa berchat dengan warna kuning.

Di-Malaysia Timor pengawalan pentadbiran lesen teksi/kereta² sewa ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri masing². Oleh sebab itu jika soalan ini berkenaan dengan teksi/kereta² sewa di-Malaysia Timor maka soalan tersebut hendak-lah di-kemukakan kepada Kerajaan² Negeri Malaysia Timor.

ORANG² TAHANAN DI-PULAU JEREJAK—PERANGKAAAN

23. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) jumlah orang² tahanan di-Pulau Jerejak yang telah di-tahan sa-lama dua tahun dan yang telah:

(i) di-bebaskan tanpa syarat;

(ii) di-bebaskan tetapi di-bawah Kediaman Terhad;

(iii) di-sambong tahanan mereka sa-lama dua tahun lagi di-Pulau Jerejak; dan

(b) beri angka² berlainan mengikut Negeri dan Bangsa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail):

(a) Perangkaan orang² tahanan di-Pulau Jerejak yang di-kehendaki ia-lah seperti berikut, menurut kedudukan pada 22hb November, 1971:

(i) di-bebaskan tanpa syarat 68 orang

(ii) di-bebaskan dengan Perintah Sekatan ... 307 ..

(iii) di-sambong lagi masa tahanan sa-lama 2 tahun 240 ..

(b) Perangkaan yang di-pecah mengikut Negeri² bagi tiap² pertanyaan itu boleh di-dapati dalam lampiran yang terkepil bersama ini. Angka mengikut kaum ta' dapat di-nyata demi kepentingan awam.

PERANGKAAAN MENGIKUT NEGERI

(1) BEBAS TANPA SHARAT

Kedah/Perlis	...	...	...	8
Penang	...	...	...	1
Perak	...	...	...	3
Selangor	...	...	...	46
Negri Sembilan	...	...	...	9
Malacca	...	...	...	1
Johore	...	...	...	—
Pahang	...	...	...	—
Kelantan	...	...	...	—
Trengganu	...	...	...	—

Jumlah Besar ... 68

(2) BEBAS DENGAN PERENTAH SEKATAN

Kedah/Perlis	...	...	...	21
Penang	...	...	...	42
Perak	...	...	...	47
Selangor	...	...	...	92
Negri Sembilan	...	...	...	54
Malacca	...	...	...	42
Johore	...	...	...	6
Pahang	...	...	...	—
Kelantan	...	...	...	2
Trengganu	...	...	...	1

Jumlah Besar ... 307

(3) TAHANAN DI-LANJUTKAN

Kedah/Perlis	...	...	...	7
Penang	...	...	...	45
Perak	...	...	...	57
Selangor	...	...	...	45
Negri Sembilan	...	...	...	29
Malacca	...	...	...	30
Johore	...	...	...	20
Pahang	...	...	...	4
Kelantan	...	...	...	3
Trengganu	...	...	...	—

Jumlah Besar ... 240

HUBONGAN DENGAN REPUBLIK RA'AYAT CHINA—TUKAR-MENUKAR AHLI²

24. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau berchadang untuk tukar-menukar pemberita² dan ahli² teknik di-antara Malaysia dengan Republik Ra'ayat China untuk mengeratkan lagi perhubungan di-antara kedua² buah negara.

Tun Dr Ismail: Belum ada chadangan lagi oleh kerana hubungan dengan Republik Ra'ayat China ada-lah di-hadkan kepada perdagangan sahaja.

MENGHARAMKAN SENJATA BERKUMAN

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah Malaysia turut sama mempersetujui dan menanda-tangani perjanjian mengharamkan senjata berkuman yang di-chapai di-Geneva baharu² ini.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Saya fikir ahli tersebut merujuk kepada Perjanjian mengenai peperangan penggunaan kuman yang baharu sahaja di-bincangkan di-Bangsa² Bersatu dan tidak ada perjanjian yang muktamad. Jadi, soal Malaysia menanda-tangani perjanjian tersebut tidak timbul. Walau bagaimana pun Malaysia telah menyetujui pada 10hb Disember, 1970 kepada Protokol Geneva yang melarang penggunaan benda yang menchekekkan, berachun dan lain² dan penggunaan kuman dalam peperangan, yang mana sejak tahun 1925 di-buka untuk di-tanda-tangani.

PEGAWAI² DI-KEDUTAAN² ASING—BILANGAN

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Luar ada-kah Malaysia menghadkan bilangan pegawai² dan kakitangan² yang boleh di-tempatkan di-tiap² Kedutaan asing di-negeri ini, jika ya, berapa; dan jika tidak, mengapa tidak di-buat syarat demikian.

Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan Malaysia menghadkan bilangan pegawai² diplomat dan kaki-tangan Kedutaan yang tidak ber-taraf diplomatik ka-atas separoh perwakilan² asing di-negeri ini. Bilangan-nya ada-lah seperti berikut:

Kedutaan Soviet dan Wakil Perdagangan-nya 32 orang pegawai.

Kedutaan Bulgaria dan Wakil Perdagangan-nya 9 orang pegawai.

Wakil Perdagangan Rumania 4 orang pegawai dan Wakil Perdagangan Yugoslavia 4 orang pegawai.

Had² ini di-kenakan ka-atas negeri² tersebut di-bawah persetujuan antara kedua belah pihak berdasarkan asas "reciprocity".

PEGAWAI² DIPLOMATIK DI-MALAYSIA

27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) berapa orang-kah pegawai² dan kaki-tangan² Kedutaan² asing di-Malaysia dan

(b) berapa orang bagi tiap² satu Kedutaan dan dari negara mana.

Tun Haji Abdul Razak: Di-antara negara² yang ada hubungan diplomatik dengan Malaysia 29 daripada-nya mempunyai Kedutaan² dan Surohanjaya Tinggi di-Kuala Lumpur.

Jika Ahli Yang Berhormat datang ber-jumpa saya, saya harap akan berikan beliau butir² sa-lanjut-nya.

SHEIKH MUJIBUR RAHMAN—RAYUAN MENYELAMATKAN

28. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa kerajaan Malaysia telah menerima rayuan dari Perdana Menteri India meminta sokongan untuk menyelamatkan nyawa Mujibur Rahman. Apa-kah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan di-atas rayuan ini.

Perdana Menteri: Saya telah terima rayuan daripada Perdana Menteri India membuat permohonan kepada Kerajaan Pakistan untuk melepaskan Sheikh Mujibur Rahman. Walau pun demikian, oleh kerana dasar Kerajaan Malaysia ia-lah tidak champor tangan mengenai hal dalam negeri Pakistan, saya berpendapat tidak-lah patut kami menimbulkan perkara ini dengan Kerajaan Pakistan.

JAMINAN PELAKSANAAN RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

29. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memberi jaminan ia-itu dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua, tidak akan berlaku tidak adil dan zalim terhadap ra'ayat.

Perdana Menteri: Jaminan ini telah dinyatakan dengan tegas-nya di-dalam dokumen Ranchangan Malaysia Kedua. Kerajaan telah memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan ranchangan ini "tidak sa-orang pun akan

mengalami apa² kerugian atau merasai bahawa hak asasi, keistimewaan², pendapatan, pekerjaan, dan peluang²-nya di-ambil dari milik-nya.”

MEWAJIBKAN PENDAFTARAN MENGUNDI—CHADANGAN

30. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untuk membuat undang² yang mewajibkan ra'ayat mendaftar dan mengundi dalam pilihanraya.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak bermaksud, buat sementara waktu, untuk mengadakan undang² bagi mewajibkan pendaftaran mengundi.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1972

Jawatankuasa

Meshuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa.*

Kepala² P. 7, P. 9, P. 17 dan P. 20—

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, boleh-kah saya menchadangkan supaya 4 Kepala di-binchangkan bersama dengan Kepala P. 7 ini?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: P. 7, P. 9, P. 17 dan P. 20.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta di-ulang sa-kali lagi.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: P. 7—Jabatan Perdana Menteri, P. 9—Jabatan Kehakiman, P. 17—Kementerian Pertahanan dan P. 20—Kementerian Luar Negeri.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head P. 7, Sub-head 6—Housing and Urban Development. This now comes under the Prime Minister's Department. We have noticed that in the Government housing programmes the Government has built conventional type of houses.

Tuan Pengerusi: Kepala mana itu?

Tuan V. Veerappen: Kepala 7, Pechahan-kepala 6.

Tuan Pengerusi: P. 7?

Tuan V. Veerappen: Ia, muka 52—Housing and Urban Development, provision—\$12 million. May I proceed? Terima kaseh.

The Government has been building low cost houses and flats. As far as low cost houses are concerned, the conventional method is employed, but whereas in the case of flats like those in Circular Road, Malacca and Rifle Range in Penang, the pre-fabricated method was employed. I remember that some years ago the Member for Batu pointed out that the cost of this type of pre-fabricated housing, which may be low in some other countries where the labour cost and so forth are very high, is much higher than the conventional type of housing and it was pointed out that by using the conventional type of building, i.e. by the normal method that has been used here, not the pre-fabricated type, the cost of houses or flats would be cheaper. In fact, flats which have been built by the pre-fabricated method cost very much more; the instalment is \$40 per month even for a two-roomed one, which is termed the three-roomed one. Whereas if we employ the conventional method the cost would be very much reduced and I believe the instalments per flat of that type would be round about \$20 to \$25 and this would go a long way towards helping our people acquiring these flats. Furthermore, in the use of our conventional method of building, more people would be employed and much of the materials that would be used would be local. I therefore strongly urge the Government to give up, to stop any further spending of money in building the type of flats that we see in Circular Road and elsewhere. Thank you, Sir.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh Kepala P. 9—Jabatan Kehakiman dan Pechahan-kepala Kechil yang di-bawah-nya. Oleh sebab subject ini ada-lah berkaitan dengan Jabatan Kehakiman, khusus-nya akan menarek minat peguam² luar negara kita baik dalam kalangan swasta mahu pun yang dalam perkhidmatan Kerajaan. Saya suka memohon izin beruchap sa-patah dua dalam bahasa Inggeris juga.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, we look at sub-head 1—Court Houses; and we find that under sub-head 3, there is provision for the residence of the Judge at Malacca and the amount appears to be small—\$82,500 for a house. I support that some money ought to be spent on a house for the Judge at Malacca. I say, Mr Speaker, Sir, that this sum appears to be too small because I personally know of many small businessmen in Malacca who own houses worth twice, perhaps thrice, that amount. However, Sir, the house is essential and has been needed acutely for a very long time, to my personal knowledge. It is hoped, Sir, that the acquisition of land priced at \$75,500 and the building and the purchase of furniture and fittings for the house be proceeded with early and if, Sir, no more money could be found to finance this important project by way of supplementary appropriation or otherwise, then, Sir, it is hoped that the money we are asked to approve—that is to say, \$82,500—be used with the minimum of extravagance and waste to ensure that the best value is obtained from it. No doubt, Sir, the Honourable Peguam Negara or the relevant Ministry will at the appropriate time assure this House that this would be done and perhaps indicate that work will commence, so that a Judge's house there in Malacca is tailored to what the \$82,500 can buy, but nevertheless befitting the dignity of the high office of our Judge, and will materialise soon.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang hendak menyentoh Pechahan Kepala 2, that is to say, Hall of Justice. This is a most important project. The entire legal profession of our country has, since the crystallisation of this idea, been waiting "with abated breath", so to speak, for further developments. We, Sir, are proud of the integrity of our Judiciary and it is befitting that the solemn, dignified and lasting monument such as being envisaged and which will cost more than \$4 million, will be both functional and symbolic.

In supporting this, Mr Speaker, Sir, I would suggest that when the Hall of Justice is eventually built, it is hoped that in the near future every court within it, particularly the High Court, be provided with installations for automatic recording of proceedings and also that there be provision for the appointment of steno-typists, so that it will save our

Judges the trouble of having to write down every word that is uttered there. This would be in line with the practice in the developed countries and would mean less distraction for the Judges so as to enable them to observe the demeanour of witnesses. I hope our Judges will be asked for their opinion regarding this and should the consensus of their opinion be as anticipated, then this most important aspect of the project must not be lost sight of.

Also, before I sit down, Mr Speaker, Sir, perhaps the Peguam Negara would be able to tell this House at the appropriate juncture:

- (a) whether the Hall of Justice, when built, would house all the Courts right from the Magistrates' Courts, the Sessions Courts, the Special Sessions Courts, the High Courts and the Court of Appeal (or the Federal Court); and
- (b) what the Government intends to do with the existing buildings of the present lower Courts and the High Court in Kuala Lumpur.

Seharian, terima kasih.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to refer to page 165, sub-head 1—Pejabat² dan Bangunan² di-Seberang Laut. Mr Chairman, Sir, I do not observe any item here providing for an Embassy office in Peking, if at all there would be diplomatic relations with the People's Republic of China. Mr Speaker, Sir, there has been a consensus of opinion throughout the world to establish relationship with the People's Republic of China, and I strongly urge that provision be made in these Development Estimates to have a proper Embassy office in Peking. This would be keeping in line with the views and aspirations of the entire peoples of Asia.

Mr Speaker, Sir, I also would like to see that offices and embassies are established in other parts of East European countries with whom we have commenced trade relationships. From the provision made here, it does not indicate that we are expanding or we are pursuing with a policy of establishing relationships with progressive countries of the world and, therefore, the mover of these estimates should include a provision particularly for an embassy in Peking and

also embassies in major East European countries with whom we are already having trade relationships.

Sir, coming to page 135, pechahan-kepala (Kod) 2100—Services and Supplies, I find that most of these expenditures as stated here do not throw much light on the revision of salary scales for most of the personnel who are serving with the Government in the Defence Department and I do not know whether the Government, which has often stated that it would improve the conditions of these service personnel, has anything in mind to estimate the cost that would incur if there were to be a revision.

Sir, further adding to what already has been said by my colleague, the Honourable Member for Seberang Selatan, about the Government Housing Scheme, I would like to add that especially in Ayer Itam (Pulau Pinang) the facilities are very limited and the entire housing scheme by the Federal Government has to be reviewed. I am sure in this respect the Ministry of Home Affairs and Housing some time back did send a delegation to Singapore to investigate and to assess the type of housing and the manner how it is presented to the people. I feel that this mission which went to Singapore by now should understand the requirements which are needed for residents in low-cost housing. More and more housing schemes are being built at random without catering for the basic needs of the people. Recreation facilities and social amenities will have to be provided in low-cost housing schemes. Clinical facilities, markets, schools, transportation—these are basic requirements in low-cost housing. So I request the Government to carefully study and plan bearing in mind the type of housing which has been provided in Singapore for the people of Singapore. I do not say that what we see entirely should be copied but there are some important and vital factors which can be used to improve and develop a better housing scheme in our country. The Ayer Itam housing scheme is, I should say without any hesitation, extremely badly planned and does not meet the basic needs of the dwellers in those flats. Therefore, Sir, in future there should not be any repetition of this nature and the Government, when spending money, should spend it wisely and justly. Thank you, Sir.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I would like to draw your attention to page 52, Head P. 7, sub-head 6—Housing and Urban Development.

As far as housing is concerned in this country, strictly speaking, if we were to house the entire nation satisfactorily, specialists and statistics show us that at least 30% of the nation's population will have to be rehoused in the sense that some of them have not got a home yet, some of them are inadequately housed and most of them are still living in very poor conditions. The fact is, if housing has not been taken care of the next generation will be brought up in a sub-standard environment and because of the contamination, the contaminated environment, we would not have a second generation of brilliant and capable Malaysians. Therefore, I urge, even in here, in this sub-head, that the \$100 million spread over the five years, with now for 1972, \$10 million for housing, is actually not adequate. To compare, at the beginning of this year, we passed a Bill for the Government servants alone \$100 million, and for the whole nation we could imagine that

Tuan Pengerusi: Are you saying that it is too much or too little?

Tuan Hor Cheok Foon: I say that it is too little.

Tuan Pengerusi: If it is too little, then you have no right to increase any amount that is put in these estimates.

Tuan Hor Cheok Foon: I am only expressing my opinion here.

Tuan Pengerusi: You can only reduce.

Tuan Hor Cheok Foon: I felt that I should like to express my opinion.

Tuan Pengerusi: Then it is not the time in Committee here.

Tuan Hor Cheok Foon: I will come to it. Now, specifically I would draw the attention of the House to the housing estates which we now have in this country and the flats around Kuala Lumpur, especially in Suleiman Court, Jalan Pekeliling and Jalan Shaw. All these flats are now becoming "vertical" slums. Most of the people who are now living in these flats were taken away from their previous slums and now they are housed

Tuan Pengerusi: May I remind the Honourable Member, again, we are in Committee. You can only make remarks on the estimates, on the amounts, not make speeches. I shall have to stop you if you persist.

Tuan Hor Cheok Foon: I would like the estimates which have now been allotted for housing to include a certain amount for maintenance of public housing, because if provision for maintenance is not allotted, there will always be the complaint that not enough funds have been spent on renewing lifts, painting and the maintenance of the surroundings, especially gardens, playing fields and what not. So, therefore, I would urge the Government, besides spending the money for the building of new low-cost housing, a certain substantial proportion must also be allotted for the maintenance of these housing estates so as to maintain the standards and the people would be delighted to move into these new housing estates.

Finally, I would like to point out that in the case of the housing estates now existing in Kuala Lumpur, the surroundings are so poor and the Government has not done anything to paint or to revitalise the surroundings and a lot of flat dwellers are beginning to drift away to private housing estates. Thank you very much.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Dato' Pengerusi, saya suka hendak berchakap di-atas Kepala P. 9—Jabatan Kehakiman.

Tuan Pengerusi: Kepala nombor berapa? Pechahan tidak apa.

Tuan Lee Seck Fun: Kepala 9, Pechahan-kepala 4, muka 62—Bangunan² Mahkamah di-Tanjong Malim. Saya ingat Menteri yang berkenaan tahu juga bangunan itu sa-rupa satu dewan orang ramai di-kampong² atau di-new villages. Jadi, saya harap-lah atas peruntokan bangunan ini, peruntokan yang ada di-hadapan kita akan di-luluskan dan Menteri yang berkenaan boleh-lah mem-baharui atau meminda dan membaiki bangunan itu. Dan lagi perkakas² untuk Mahkamah Tanjong Malim kadang² tidak cukup, saya harap-lah Menteri yang berkenaan mengambil tindakan atas perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berchakap memberi pandangan dengan sa-

chara ringkas. Saya berchakap Kepala P. 7, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 3—Bahagian Ranchangan, muka 52.

Kita ma'alum Kerajaan ada satu projek pengangkutan di-kawasan Tenggara Asia. Jadi dengan ini saya menundakan-lah chadangan saya dahulu supaya dapat Kerajaan membuatkan kajian membuat jambatan daripada Melaka ka-Sumatra—daripada Indonesia ka-Malaysia.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 6—Pembangunan Bandar dan Perumahan ya'ani UDA di-muka 52 meminta wang sa-banyak \$10 juta. Dalam usaha yang pertama ia-itu menyelenggarakan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya harap langkah yang kedua supaya di-buat di-Johor Bahru sebab Johor Bahru itu Bandar yang sa-bagai depan negara Malaysia ini, tambahan pula pembangunan di-Johor Bahru itu sedang pesat dengan ada padang kapal terbang antarabangsa

Tuan Pengerusi: (kapada Tuan Haji Ahmad bin Arshad) Dudok-lah sa-kejap!

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya ingin minta izin menerangkan bahawa perbincangan mengenai Perumahan am-nya ta' patut-lah di-jalankan di-bawah Kepala yang telah saya sebutkan tadi, tetapi patut di-bawah Kepala P. 27 nanti kerana Kepala yang saya kemukakan ini hanya mengenai peruntokan untuk UDA—Urban Development Authority.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, kalau ta' boleh, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya di-masokkan juga Kepala P. 27 nanti.

Tuan Pengerusi, akhir-nya saya hendak berchakap dalam Pentadbiran Am (6)—Majlis

Tuan Pengerusi: Kepala nombor berapa? Saya kata Kepala dahulu sebut, pechahan itu ta' apa.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya, Kepala 7. Tuan Pengerusi, dalam Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Ya, saya pun senang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya, dalam bahagian Pentadbiran Am, Fasal (6)—Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, muka 47.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh bagaimana kita sedia ma'alum tujuan Majlis ini melichinkan pentadbiran Ugama Islam kebetulan pula di-bawah Jabatan Perdana Menteri. Apa yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Ada-kah Yang Berhormat itu berchakap mengenai P. 7 atau B. 7.

Tuan Pengerusi: P. 7-kah atau B. 7?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: P. 7.

Tuan Pengerusi: Pechahan berapa?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Pechahan 6, muka 47, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pechahan 6 yang di-katakan itu Pembangunan Bandar dan Perumahan. Itu sahaja-lah.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dengan izin Tuan Pengerusi, boleh-kah saya menerangkan di-sini bahawa kerana buku budget kita baharu ini telah di-tukarkan daripada bentok-nya pada masa yang lepas, maka saya ingin menerangkan bahawa perbincangan dalam Committee ini hendak-lah di-khaskan untuk bekalan² di-bawah development dan bukan perbelanjaan mengurus ia-itu Kepala² yang di-tanda dengan P dan bukan dengan B.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya chuma hendak membangkitkan dalam apa yang saya katakan ia-itu saya berpendapat Fasal (6) ia-itu dalam Urusan Majlis Hal Ehwal Ugama itu

Tuan Pengerusi: Itu tidak ada di-situ. Dalam P. Fasal (6)—Pembangunan Bandar dan Perumahan, muka 52.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Dudok-lah dahulu, beri orang lain pula.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, may I refer to Head P. 7, sub-head 5 in connection with the provision of \$240,000 for "Natural Resources Evaluation". Could the Honourable Minister enlighten us on what this sum is to be spent. Also on subhead 6, "Housing and Urban Development", Sir we would like to be enlightened as to what this expenditure

is for. Sir, under subhead 21 for Sarawak there is a subhead for "Feasibility Studies"—\$1.8 million. Could also this House be enlightened as to what this expenditure is for.

Mr Chairman, Sir, under Head P.9, I note that under subheads 11, 12 and 13, a provision of only \$10,000 each has been allocated for court houses and renovations of court houses. Sir, I think the Minister himself is aware that the court houses in Sarawak are in a very deplorable state. Incidentally, we borrowed the High Court building in Sarawak for Council Negri proceedings and one Honourable Member nearly went through the floor. The Honourable Deputy Minister himself is aware of this and I hope this provision will be increased; I think it is a bit too small.

Sir, I would like to refer now to Head P.17, sub-head 15, where there is a provision of \$2 million for "Payment of U.S.A. Equipment". What equipment are these that we have³ to pay \$2 million?

Also, Sir, I would like to refer to Head P.20, under sub-head 1 "Offices and Buildings Overseas". The provision of \$2.827 million has been allocated under this particular sub-head and could the Honourable Minister enlighten us as to where are these buildings going to be put up and as to why we have to put up these buildings. Would not it be cheaper for us to rent them. Thank you.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh sedikit berkenaan dengan Kepala Pembangunan 7, Pechahan-kepala 3 ia-itu berkenaan dengan Feasibility Studies. Jadi, di-sini saya berharap-lah kepada Kementerian yang berkenaan ia-itu supaya menukar sistem memberi Feasibility Studies ini kepada consultant. Apa yang telah di-lakukan sekarang ia-itu feasibility studies ini di-panggil beberapa consultant sa-lepas feasibility studies di-kemukakan kepada Kementerian ia-itu kepada pihak APU. Jadi pemberian ini tidak-lah di-beri dengan saksama pada fikiran saya. Jadi consultant daripada luar negeri dan juga consultant dalam negeri ini telah membuat proposal, dia telah membelanjakan banyak wang, tetapi kemudiannya mereka itu tidak dapat. Jadi rasa saya kalau-lah dapat Kementerian yang berkenaan

ia-itu kalau sukakan satu consultant itu beri sahaja-lah bagitu, jangan-lah panggil proposal sahaja.

Yang kedua-nya, saya suka menyentoh kepada Kepala P. 9, Pechahan-kepala 2 ia-itu Hall of Justice. Jadi rasa saya Hall of Justice ini sudah lama sangat di-binchangkan. Pada masa saya menjadi Jurutera Negeri Selangor dahulu pun telah di-binchangkan juga, tetapi apa yang kelewatan ia-lah untuk menentukan tapak bangunan itu. Jadi hendak menentukan tapak bangunan ini pun hendak juga Yang Amat Berhormat Tun menentukan-nya. Mengapa? Tidak-kah Technical Committee yang ada di-Pejabat² Kerajaan itu mereka yang pandai. Jadi kalau semuanya hendak menentukan, hendak menunggu-kan Yang Amat Berhormat Tun, jadi rasa saya, Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua ini tidak akan berjalan dengan bagitu bagus. Jadi sa-takat ini sahaja-lah, Tuan Pengerusi, pandangan saya bagi dua perkara ini. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala P. 17, Pechahan-kepala 4—Kereta² dan Barang² Ganti-nya (Vehicles and Spares), di-sini chuma mengatakan ia-itu berkenaan dengan kereta² sahaja. Saya nampak ada kereta buatan Jerman, kereta buatan Inggeris dalam Military kita. Jadi, kalau mithal-nya Jerman, Inggeris, Jepun, macham² kereta berchampur-adok dengan spare parts, kalau mithal-nya ada peperangan—kita tidak mahu berperang—tetapi kalau berperang mithal-nya dengan Jepun, kereta Jepun itu tidak dapat spare parts lagi, susah kita. Dengan sebab itu, saya fikir kalau ada kereta yang sa-rupa itu yang di-kehendaki.

Kemudian dalam Pechahan-kepala 13—Pembelian Kapal² Terbang. Kapal terbang ini mustahak dan kapal terbang yang kita ada sekarang ini kapal terbang yang tidak laju. Jadi, hendak sa-habis² laju itu di-beli oleh Kerajaan Malaysia, ta' tahu-lah Mirage atau pun lebih baik daripada itu. Dan juga kapal terbang yang boleh turun di-tengah² hutan itu hendak-lah di-beli.

Kemudian dalam Pechahan-kepala 16—Pengkalan Tentera Laut, token-nya \$10 sahaja. Kalau dapat-lah ta' usah-lah \$10 ini, di-tetapkan-lah banyak² sedikit sebab tentera laut memainkan peranan-nya di-dalam menentang pengganas komunis ini, peranan

yang penting sa-kali. Jadi ta'usah di-letakkan \$10 ini sahaja untuk Pengkalan Tentera Laut ini supaya di-perbanyakkan sedikit kalau dapat. Sekian.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap dalam perbathahan ini, dalam perbincangan ini ia-itu berkenaan dengan Kepala P. 9 Pechahan-kepala 1—Bangunan² Mahkamah. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian akan kedudukan mahkamah yang ada di-pekan Parit yang telah terlalu uzor, dudok-nya di-tepi sungai. Sebab itu saya mengambil perhatian kepada Kementerian supaya dapat membaharui-nya dan menjaga imej negara kita jika datang pelancong ka-Parit menengok mahkamah negeri kita. Itu-lah rayuan saya.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$20,475,010 untuk Kepala P. 7; \$1,509,500 untuk Kepala P. 9; \$184,714,227 untuk Kepala P. 17 dan \$2,827,000 untuk Kepala P. 20 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1972.

Kepala P. 13—

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan Kementerian saya bagi tahun 1972 ia-lah lebih kurang \$131.6 juta. Jumlah ini ada-lah lebih sa-banyak \$10.5 juta daripada peruntukan bagi tahun 1971. Peruntukan tersebut terbahagi di-antara aktiviti² Kementerian lebih kurang sa-bagaimana berikut:

Pertanian	...	...	\$117,880,000
Sumbar ² Alam	...	...	11,330,000
Pentadbiran Tanah	...	...	750,000
Orang Asli	...	...	1,730,000

Keterangan² ada-lah saperti yang tersebut di-dalam anggaran itu. Maka oleh yang demikian saya menhadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Pertanian dan Tanah yang berjumlah sa-banyak \$131,689,656 di-bawah Kepala P. 13 bagi tahun 1972 di-luluskan oleh Dewan ini.

Tuan V. Veerappen: (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head P. 13, Sub-head 163, Poultry Schemes,

Jabatan Haiwan. The provision there is for \$70,000. The Central Government and also the State Governments have spent considerable sums of money in encouraging people in our country to rear poultry to supplement their income. We know many people in the rural areas do rear poultry although, with the advent of double cropping, they have difficulty in having these poultry farms. However, Mr Chairman, Sir, one of the biggest drawbacks that these people, the poultry breeders, face is the fluctuating price of poultry and many peasants fold up, go bankrupt and some have been very much discouraged from continuing to rear poultry. I do know that if the Government wants to encourage these people, there should be a proper marketing system for them. In some cases, for example, the eggs from the farms are worth just six cents each, which is hardly enough to pay for the feed. Therefore, I strongly urge the Government to set up a marketing board to market poultry and eggs.

I understand that FAMA was set up for this purpose; to be the purchasing agent. But people in the rural areas have hardly felt the effect of FAMA, and it is strange, it is an indictment on the Ministry and the Government, that farmers prefer to sell to others rather than to FAMA and they have lost hope in FAMA before FAMA can get started. So, I wonder whether FAMA can be strengthened to tackle the poultry marketing or whether there is a need to set up a separate board in conjunction with other States and so forth. I would strongly urge the Ministry to consider this. That is all, Mr Chairman, Sir.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, Muka 92, Parit dan Taliayer, (Drainage and Irrigation). Mr Chairman, Sir, it is needless for anyone to comment elaborately on the present situation of flooding in the country. Large scale flooding occurs as a result of our bad drainage system which is a dominant factor and a fact which has to be admitted by everyone in this country. If we take the Klang River especially in Kuala Lumpur, it has not been de-silted for many years and as a result of this the river has become very shallow and within a few hours of rain we find that the entire Kuala Lumpur town is flooded. Not only is this the case with this river but also in other drains and other rivers maintained by the Drainage and Irrigation Department.

While we are making allocation for a big amount of money, I would invite the attention of the Minister in charge of this Drainage and Irrigation Department to give top priority to improve the drainage system and irrigation in order to save thousands and thousands of people who are suffering as a result of gross negligence by the Government.

Sir, when questions are asked both in this House and in the State Assembly we often receive a ready-made answer—flooding is an act of God. Well, I completely disagree. It is because of our gross negligence; every year it floods. If there should be a flood maybe once in a decade or once in 20 years or 30 years, then we could say, of course, nobody could help it. But here, every few months we have constant floods throughout the country. We have to basically examine what is wrong in our drainage system. How we could improve this drainage system and most of the drains are not maintained; even though drains are there, the maintenance is extremely poor because nobody bothers about it. And also we are fond of speaking in terms of foreign Commissions to come and make investigations and many Commissions have come and gone, but nobody has found a remedy to this flooding. I am sure no foreigner would know how we could solve the problem of floods in this country, because those who live here and who are living with it can only know the problem of flooding and how it could be solved. There is no need for highly skilled engineers to know why many parts of the country are flooded. It is the basic truth that we are not paying much attention to our drains and rivers.

As developments have taken place during the past decade, many buildings have been put up. But while buildings are being put up there is no condition laid that proper drainage facilities should go along with these and this failure should also be attributed to the various State Governments and Local Governments. In any case, we cannot go on at this rate; every year we have permanent disaster teams awaiting to evacuate people from the flooded areas. The Welfare Department is asked to stand-by to provide immediate relief, and we are talking about other laudable objectives and programmes while the basic elementary necessity of human life is not being cared for by the Government. I would stress very

strongly at this juncture that the Minister must take concrete and positive steps to eliminate flooding in the low lying areas.

Of course, during the last few days people have suffered to a large degree as a result of over-flowing of rivers and drains and this very year we had an unusual flooding in Kuala Lumpur. This was mainly because of our poor drainage system in Kuala Lumpur. To a layman's knowledge the Kuala Lumpur flooding is simple because we have not deepened the Klang River and the river is silted and it has become very shallow. We have not made any attempt to remove the silt in this river. I call upon once again the Minister to give serious and immediate attention to drainage and rivers should be maintained properly, so that the people will not at all times come under hardship as a result of a couple of hours rain which drives them out of their homes to find higher places. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi sokongan yang penoh atas Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Tanah dan saya ingin berchakap sedikit mengenai Pechahan-kepala 19—Sekolah Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya perchaya dengan ada-nya sekolah pertanian dan juga Pechahan-kepala 31—Sekolah Vokeshenel dan Pechahan-kepala 39—Sekolah Latehan Luar Bandar bagi Peladang. Ini akan memberi peluang kepada peladang² muda, anak² petani kita masuk dalam sekolah² ini untuk mendapatkan latehan dan pelajaran mengenai pertanian. Pada pendapat saya ini-lah satu jalan yang sa-baik²-nya bagi kita memberi peluang kepada peladang² muda untuk mendapat pelajaran dan pengetahuan yang sa-wajar-nya supaya mereka dapat menggunakan pengetahuan dan pelajaran itu bagi menjayakan diri masing² supaya mereka akan bersikap berdikari pada masa hadapan.

Saya ada-lah menyokong penoh di-atas ranchangan² ini dan berharap pehak Kementerian akan menyusun langkah² dan jika boleh adakan tiap² negeri sa-buah sekolah pertanian, jikalau tidak boleh adakan sekolah vokeshenel pertanian dan juga latehan pertanian sa-kurang²-nya. Dengan sa-chara bagini dapat kita majukan lagi

dalam bidang pertanian. Sa-tahu saya chuma sa-buah sahaja sekolah pertanian yang ada di-dalam negara kita ini dan di-tempatkan di-kawasan saya sendiri-lah. Saya ucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri yang telah di-tukarkan nama kepada Institiut Pertanian. Jadi, saya berharap Institiut Pertanian ini akan di-adakan di-kawasan² yang lain atau di-negeri² yang lain.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap di-atas Pechahan-kepala 20—Kemudahan Persatuan Peladang yang diperuntukkan sa-banyak \$3,132,000.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya ini ada-lah satu daripada langkah yang sangat sesuai dan bijak bagi Kerajaan untuk menggalakkan petani² kita berusaha dengan arahan dan di-bawah satu persatuan yang di-namakan Persatuan Peladang yang dalam laporan sa-hingga hari ini kita telah menubuhkan sa-banyak 87 Persatuan² Peladang bentok baharu dan kebanyakan daripada mereka ini telah menunjukkan bukti yang nyata bahawa dengan gerakan Persatuan Peladang bentok baharu ini-lah akan memberikan satu harapan baharu kepada petani² kita untuk membolehkan mereka itu menjadi orang² yang berada daripada yang tidak berada, kerana saya dapat tahu ada sa-tengah² Persatuan Peladang yang telah mengumpul modal sa-banyak \$14,000 mithal-nya, semenjak tiga tahun gerakan Persatuan Peladang ini telah pun mendapat memiliki harta sa-banyak sa-hingga \$170,000. Ini ada-lah satu galakan yang sangat baik dan saya berharap pehak Kementerian ini akan memberi lebeh lagi sokongan dan lebeh lagi peruntukan untuk memajukan Persatuan² Peladang yang mana saya nampak satu chara yang sangat² baik untuk masa hadapan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pergerakan Persatuan Peladang ini juga sangat mustahak di-adakan pasar borongan bagi perengkat² Mukim, Negeri dan Persekutuan supaya kalau boleh pada masa sekarang ini pehak Kementerian akan membeli tempat² atau tanah yang sesuai kerana dengan ada-nya pasar² borongan di-kawasan² Mukim, Negeri dan Persekutuan dapat-lah hasil pertanian itu di-salurkan melalui pasar² yang kechil perengkat² Negeri dan Persekutuan. Dan sa-kira-nya tidak dapat di-jual dalam pasar untuk

makanan orang² ramai dan dapat proseskan barang² pertanian ini kepada kegunaan untuk mengtin bagi export dan lain². Ini sangat penting kerana ranchangan hendak menubuhkan Persatuan Peladang perengkat Negeri dan Persekutuan sedang di-ranchangkan. Dengan chara ini saya perchaya nasib hidup petani² khas-nya bagi penanam padi sa-banyak 1½ juta ini dapat di-bela dengan sa-baik²-nya. Terima kaseh.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam perbahathan pada petang ini ia-lah pada muka 96, 100 dan 104 di-bawah P. 13 ia-itu Pechahan-kepala² 88, 87, 124, 173, 178 dan 198. Tuan Pengerusi, telah di-ketahuī bahawa Kementerian Pertanian dan Tanah ini mengambil sa-bahagian besar usaha hendak menahan atau mem-baiki banjir di-dalam negara kita ini sa-lain daripada beberapa Kementerian lain. Tetapi sa-bagaimana yang kita tahu banjir tahun ini ia-lah satu banjir yang tidak kurang besar-nya daripada banjir tahun yang lepas, terutama sa-kali mengenai banjir di-negeri Pahang, sebab pada tahun lepas hanya 16,000 orang yang di-pindahkan, tetapi pada tahun ini melebihi 25,000 orang. Jadi walau macham mana sa-kali pun usaha untuk ranchangan parit bagi mengelakkan banjir Kepala-kechil 87 dan 88 itu hendak-lah kalau boleh di-kaji semula bukan sahaja hanya untuk menggali sungai atau memotong parit. Tetapi usaha yang lain kalau boleh di-buat mengayurkan ayer itu bagi kemajuan pertanian. Kalau saya katakan membuat ampungan hydro-lektrik tentu-lah Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa perkara ini bukan dalam Kementerian saya—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, tetapi dalam usaha yang asumpama ini ada baik-nya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Tanah mengkaji dan berunding dengan Kementerian yang berkenaan yang ada hubongan bersama² bagi menahan banjir. Saya tidak hendak menyatakan kesedehan dan penderitaan yang ditanggung oleh mangsa² banjir, tetapi dalam sa-tahun dua kali kena tentu-lah Tuan Pengerusi sendiri boleh menimbangkan kehampaan ra'ayat dengan sebab benchana alam. Saya bersetuju bahawa benchana alam ini tidak dapat di-tahan oleh kuasa manusia, tetapi oleh sebab kita sa-buah Kerajaan yang bertanggung-jawab dengan ra'ayat negara ini, sama ada boleh atau tidak ranchangan

yang positive, yang objective mesti-lah kita lakukan. Dan saya harap Kementerian Pertanian dan Tanah ini berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bagi masaalah menggali sungai di-Pahang yang besar itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu dalam Muka 100, Pechahan-kepala² 168, 173 dan 178 ada menyatakan ia-itu Perusahaan Haiwan Kebangsaan yang akan di-lakukan oleh Kementerian Pertanian dan Tanah. Jadi saya rasa kalau mengikut logik alam kalau kita hendak menggalakkan perusahaan ternakan ini mesti-lah kita menchari alam yang luas, padang rumput yang ada, tanah hutan yang sesuai. Saya rasa, Tuan Pengerusi, dalam Malaysia Barat ini negeri Pahang-lah tempat yang patut kalau Yang Berhormat Menteri mengalehkan pandangan tentang usaha hendak menjadikan Perusahaan Haiwan Kebangsaan. Kalau saya ditanya kawasan mana-kah dalam negeri Pahang yang patut di-adakan, saya akan menunjokkan kawasan Lipis-lah tempat yang patut. Saya setuju dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri ini selalu pergi ka-Kelantan dengan menaiki keretapi. Daripada kawasan Cherah Terap membawa kasempadan Kelantan, ada satu hutan yang sangat baik, tanah-nya yang sama, ayer sungai-nya besar dan gua² batu yang mempunyai baja yang boleh membajai rumput untuk makanan haiwan. Kalau sa-kira-nya ada masa dan peluang Yang Berhormat Menteri Pertanian boleh berunding dengan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang dia chukup faham di-atas perjalanan dan keadaan hutan yang saya katakan tadi.

Jadi di-negeri kita sekarang, Tuan Pengerusi, kita kekurangan daging, kekurangan susu, tetapi usaha ini baharu kita hendak mulakan, dan pada tahun ini lebeh \$8 juta peruntokan di-buat kerana urusan perkara ini. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan masaalah kebangsaan ini dan kalau boleh supaya saimbang antara Pantai Barat dengan Pantai Timor di-Malaysia Barat ini dapat di-atasi. Saya tidak prejudice dalam masaalah ini, jikalau Yang Berhormat sendiri hendak buat di-Pantai Barat, tetapi apa yang saya nyatakan kemudahan tanah, tempat kesuburan rumput² tidak kurang di-kawasn Pantai Timor di-kawasan negeri saya sendiri. Jika

sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri sedia berhajat hendak membuat ranchangan ini, saya fikir Kerajaan Negeri Pahang sedia dengan tangan terbuka menyambut ranchangan ini.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap sedikit dalam muka 90, Pechahan-kepala 19—Sekolah² Pertanian. Sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri ma'alum bahawa Sekolah² Pertanian sudah di-tubuhkan di-Kuala Lipis dan saya dengar dalam ucapan hari semalam bahawa College Pertanian di-setarakan dengan College Pertanian Serdang akan di-tubuhkan atau di-adakan di-Pantai Timor, tetapi ranchangan itu pada masa ini sedang di-bekukan.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, masalah tanaman ini sa-lain daripada amalan teori, amalan practical juga di-kehendaki. Dalam soal practical ini saya rasa saya mengemukakan pandangan bahawa dalam Pembangunan Jengka Corporation atau Pembangunan Jengka Tiga Segi, 28 scheme LKTP sedang di-buat, sedang di-ranchangkan, telah pun di-buat dan pembinaan² bandar sedang di-usahakan dan dalam masa mengator tempat kami juga ada menrezekkan satu kawasan yang besar jika sa-kira-nya Kerajaan berchadang pada masa yang akan datang bagi menubuhkan sekolah atau college pertanian. Kerana di-sini sa-lain daripada alam sa-mula jadi yang baik juga kemudahan² untuk sains dan teknologi mudah di-adakan. Tambahan pula kawasan itu berhampiran dengan beberapa kawasan lagi yang akan di-buka di-dalam ranchangan perusahaan pertanian di-negara kita. Jadi saya harap rayuan saya ini akan mendapat pertimbangan dan siasatan yang baik daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa masalah dalam Kepala Pembangunan 13 ia-itu yang berkenaan dengan Tanaman Padi Dua Kali Sa-tahun. Dalam muka 89 Pechahan-kepala 14 ada peruntukan Perchubaaan Tanaman Padi Dua Kali Sa-tahun.

Soal penanaman padi dua kali sa-tahun sudah berjalan dalam negeri kita beberapa tahun yang sudah, dengan peruntukan yang kecil ini saya kurang mengerti, apa-kah

maksud dan tujuan Kerajaan hendak mengadakan perbelanjaan atau menguntukkan perbelanjaan yang kecil ini untuk Perchubaaan Tanaman Padi Dua Kali Sa-tahun. Pada hal perkara ini telah lama berjalan dalam negeri kita dan nampak-nya maseh memerlukan lagi perchubaaan².

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Tidak ada peruntukan Pechahan-kepala 14 ia-itu Perchubaaan Tanaman Padi Dua Kali Sa-tahun bagi tahun 1972.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, dalam tahun 1972 ini barangkali tidak ada, tetapi ini ada di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ia-itu perbelanjaan yang meliputi tahun 1971 hingga tahun 1975. Tidak menjadi soal wang ini akan di-belanjakan tahun ini atau tahun hadapan atau tahun 1973 atau tahun 1974 kechuali kalau Kementerian berchadang hendak menarik balek apa yang di-dalam peruntukan ini. Apa yang saya ingin hendak tahu, tidak chukup-kah pengalaman² kita yang ada pada hari ini sa-hingga kita memerlukan perchubaaan² ini lagi? Itu yang saya ingin hendak mendengar penjelasan dan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, soal berkenaan dengan menchegeh banjir. Kita atau pun negara kita telah mengalami banjir yang amat dahshat sa-kali pada akhir tahun lepas dan awal² tahun ini dan kerugian yang di-tanggung oleh Kerajaan dan di-tanggung oleh orang ramai dan pehak swasta berjuta² banyak-nya dan ini tidak shak lagi satu mala-petaka yang amat dahshat sa-kali yang patut mendapat perhatian yang bersungguh² daripada pehak Kerajaan, kerana sa-lain daripada kita hendak menyelamatkan kerugian² yang menimpa Kerajaan dan pehak swasta kita juga hendak mengelakkan penderitaan dan kesengsaraan yang di-timbulkan oleh banjir ini. Apa yang saya ingin hendak menegaskan dalam perkara ini ia-lah bila di-semak dan di-kaji, perbelanjaan yang di-untukkan bagi menchegeh banjir dalam Malaysia ini kalau di-kumpulkan dan di-jumlahkan wang-nya barangkali tidak sa-banyak kerugian yang kita alami dalam banjir yang lepas. Jadi, saya fikir peruntukan yang sa-umpama ini tidak-lah memadai dan patut peruntukan bagi menchegeh banjir ini mesti-lah di-tambahkan dan di-banyakkan

lagi supaya kerugian dapat di-elakkan dan penderitaan ra'ayat, kesengsaraan ra'ayat yang timbul dan terbit daripada banjir ini dapat di-kurangkan. Kita boleh jadi tidak dapat hendak menghapuskan, kerana ini satu kejadian alam yang tidak dapat kita kuasai, tetapi kita dapat mengurangkan benchan²-nya. Tetapi dengan peruntokan² yang ada dalam buku ini, kalau kita perhatikan, Tuan Pengerusi, maka tidak memadai—mari kita jumlahkan sahaja yang ada dalam Pechahan-kepala 52, Pechahan-kepala 67, Pechahan-kepala 74, Pechahan-kepala 81, Pechahan-kepala 88 dan sa-terus-nya berkenaan dengan menchehah banjir.

Yang saya bertambah² lagi hairan ia-lah, kerana saya menchari² kalau² ada peruntokan bagi menchehah banjir di-Perak, tetapi saya tidak jumpa kalau ada, saya minta Menteri yang berkenaan tolong tunjukkan supaya lega hati saya, sebab-nya negeri Perak sendiri ada-lah sa-buah negeri yang paling terok juga mengalami benchana banjir, kalau bukan pada awal tahun ini ia-lah pada tahun 1970 dahulu dan peruntokan untuk menchehah banjir di-negeri Perak langsung tidak ada. Jadi barangkali tersalah chetak atau tertinggal daripada chetakan, maka saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Di-sini, Tuan Pengerusi, saya hendak menyeru Kerajaan supaya soal banjir ini di-fikirkan bersungguh² dengan sa-chara serious benar², kerana kalau Kerajaan memberitahu kapada orang ramai berapa kerugian Kerajaan dan berapa pula kerugian pekah swasta yang di-alami dalam banjir yang lepas neschaya kita akan terkejut besar. Oleh itu jangan-lah kita sayangkan duit untuk menchehah banjir ini dengan hanya membelanjakan sa-chara berdikit² sahaja. Terima kaseh.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri Tanah dan Galian yang telah membuat peruntokan yang besar di-bawah Pembangunan 13 Pechahan-kepala 58 yang saya nampak banyak peruntokan bagi ranchangan² taliayer di-sabelah Selatan Kedah dan saya nampak, kalau tidak salah, lebeh daripada 9 ranchangan yang akan di-jalankan di-kawasan² yang termasuk dalam kawasan saya, yang saya nampak kesemua-nya di-tumpukan di-dalam ranchangan² taliayer,

tetapi walau macham mana pun, saya suka-lah menyentoh sedikit keadaan kami di-Selatan Kedah ada-lah berlainan sangat daripada Utara Kedah yang mana, kalau tidak salah saya, sa-orang Jurutera Parit dan Taliayer terpaksa menjalankan kerja-nya meliputi 5 daerah, ia-itu daerah Kuala Muda, Baling, Sik, Bandar Bharu dan juga Kulim. Jadi 5 daerah yang mempunyai kawasan² bendang yang kita katakan tidak sa-kata, ia-itu di-antara kebun² getah, ada mempunyai kawasan² bendang yang beratus² relong luas-nya, maka saya rasa sa-orang Jurutera yang terpaksa menjalankan khidmat-nya kapada 5 daerah sudah tentu tidak dapat meliputi kerja-nya. Mithal-nya di-bawah Pechahan-kepala 58 tadi ada peruntokan sa-banyak \$10 ribu yang akan di-belanjakan pada tahun 1972. Ranchangan Jemerli ini saya berani mengatakan, ini ia-lah satu ranchangan yang telah gagal. Ranchangan yang telah menerima belanja lebeh daripada \$1 juta ini barangkali kerana kesilapan daripada Jurutera Parit dan Taliayer dan dia hanya menyalahkan konon-nya kuasa politik. Saya ta' tahu-lah siapa yang sa-benar-nya bersalah. Tanah² yang di-maksudkan di-situ telah di-ampangkan untuk di-jadikan satu ampangan taliayer yang agak besar juga. Tetapi yang pelek-nya ampangan itu dudok di-kawasan yang tinggi dan bendang² itu pula di-kawasan² yang rendah. Jadi untuk mengalirkan ayer ka-kawasan yang tinggi terpaksa di-bena satu ban yang besar. Dan akhir-nya ayer tidak naik mengikut ban itu dan sa-paroh daripada tanah² bendang itu telah di-tenggelami ayer sa-panjang² tahun dan sa-paroh daripada tanah² bendang sa-belah bawah pula telah kekeringan. Dan akhir-nya Jurutera itu telah mengaku² ini ada-lah satu ranchangan yang gagal dan kata-nya untong pula di-dalam pilehanraya kechil yang baharu² ini berlaku di-kawasan Sidam ini tidak ada siapa pun yang bersungut tentang kegagalan itu. Ini-lah satu perkara yang telah terjadi, Tuan Pengerusi. Dan saya rasa kalau-lah hendak di-adakan lagi Ranchangan² Parit dan Taliayer hendak-lah di-adakan penyelidekan atau pun penyiasatan yang lebeh lanjut terutama sekali di-dalam satu kawasan yang sa-rupa akan menerima nasib yang sa-rupa juga ia-itu Kampong Pinang Tunggal, Permatang Berangan, Kampong Jawa, Kampong Batang Kedundong dan sa-bagai-nya.

Saya rasa penyiasatan ini telah berjalan sejak tahun 1956 lagi, tetapi sampai sekarang

tidak ada satu hasil yang dapat di-beri-nya. Dan saya rasa kalau-lah kita hendak di-jalankan Ranchangan Parit dan Taliayer ini, walau pun untuk tahun 1972 kita hanya ada estimate yang terbuka ia-itu hanya ada token vote sahaja sa-banyak \$10, dan saya rasa ini akan mengambil satu masa yang cukup panjang untuk hendak menyelenggarakan-nya dan saya rasa bagi kerja² yang bagini patut-lah di-adakan satu kajian yang teliti dan sa-patut-nya pula seperti mana yang saya tegorkan di-dalam Ranchangan Jemerli tadi, pehak Kementerian perlu-lah meminta satu laporan yang lengkap daripada pehak Jurutera yang berkenaan, kerana kita ta' mahu ada ranchangan² yang bagini telah berjalan tetapi gagal. Ra'ayat hanya menunggu ia-itu apa-kah hasil yang mereka akan terima dan akhir-nya mereka telah memecahkan ban² taliayer itu sendiri untuk berusaha bagaimana mereka boleh mendapat sedikit kesenangan. Kalau tidak, kalau mengharapkan larangan daripada pehak Jurutera itu, ubi keladi yang mereka tanam beratus² relong itu juga habis musnah dan di-tenggelami oleh ayer sa-panjang masa. Sekian sahaja, Dato' Pengerusi, terima kasih.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, sa-bagai wakil ra'ayat yang datang daripada kawasan pertanian, saya ingin bersama² memberi sokongan dan di-samping itu memberi sedikit tegoran mengenai satu dua perkara yang saya fikirkan mustahak di-dalam Kementerian Pertanian ini. Yang pertama sekali saya hendak berchakap di-dalam Pechahan-kepala 3 ia-itu Kemudahan Penyelidikan MARDI yang mana peruntukan selama 5 tahun sa-banyak \$30,260,000 dan bagi tahun 1972 \$4,625,720. Saya di-sini ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan satu kawasan tanah yang telah di-berikan oleh Kementerian kepada MARDI di-Mukim Sungai Panjang, Sabak Bernam. Tanah ini ada-lah tanah yang paling baik sa-kali luasnya 1,000 ekar dan tanah ini telah pun di-berikan sa-lama tidak kurang daripada 5 tahun yang lalu, tetapi sa-hingga hari ini, saya belum lagi nampak apa² tindakan untuk menjalankan perchubaaan kepada MARDI di-dalam tanah yang tersebut. Dan apa yang saya ketahui pada masa ini banyak orang² kampung yang tidak mempunyai tanah telah masuk di-dalam tanah ini dudok dengan sa-chara haram. Jadi ini akan menjadi satu

masaalah yang besar apabila MARDI akan masuk di-dalam kawasan itu. Saya tidak menyebelah kepada orang yang tinggal sa-chara haram di-dalam tanah tersebut dan tidak pula hendak mengakui kebenaran MARDI membiarkan tanah terbuka begitu lama, oleh kerana tanah ini tidak di-gunakan orang² kampung terpaksa menggunakan, walau pun perkara ini haram.

Saya perchaya kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri dapat menggunakan dengan chepat, saya fikir orang kampung tidak dudok dengan sa-chara haram di-atas tanah yang tersebut. Dan yang kedua-nya berkenaan dengan Pechahan-kepala 12 ia-ini Kemudahan Keselamatan Tanaman² yang ada peruntukan-nya \$504,450 yang agak saya keselamatan tanaman² ini ia-lah untuk menentang segala penyakit tanaman², boleh jadi termasuk kelapa—tanaman² saya kira termasuk-lah kelapa. Ini ada satu penyakit yang agak susah hendak di-ubati. Saya fikir Yang Berhormat Menteri ada cukup mempunyai pakar² di-dalam melawan penyakit² tanaman kelapa yang merosakkan daun² kelapa yang membawa kepada musnah-nya pokok² kelapa itu sa-hingga ta' berbuah hingga lima enam tahun sa-lepas kena penyakit. Penyakit kelapa itu memang susah sangat untuk di-tentang oleh orang² kampung sendiri ia-lah kelapa itu sudah tinggi di-antara 60-70 kaki. Saya fikir kalau ada rachun sa-kali pun tidak ada siapa yang boleh memanchutkan hingga begitu tinggi sampai-60-70 kaki. Barangkali ada satu jalan kalau boleh Yang Berhormat ini dapat membeli satu helikopter, barangkali ubat rachun itu boleh di-semborkan daripada helikopter di-atas daun² kelapa yang kena penyakit itu. Ini sangat mustahak, saya fikir tidak ada apa salah-nya kalau Kementerian Pertanian mempunyai sa-buah helikopter, barangkali satu masa bila ada kelapa yang sakit serupa ini boleh di-gunakan helikopter itu, dan kalau ta' di-gunakan, bila Menteri hendak melawat boleh di-gunakan-nya pula. Saya fikir tidak-lah membadzir kalau Kementerian Pertanian ini mempunyai satu helikopter. Sa-lain daripada menolong membuboh ubat penyakit² kelapa yang tinggi² sa-macam ini, saya perchaya Kementerian Pertanian pula dapat menggunakan helikopter itu juga.

Yang ketiga, berkenaan dengan Pechahan-kepala 18 untuk Menanam dan Pemulehan Sa-mula Kelapa. Dato' Pengerusi, masaalah menanam semula kelapa ini kita sedia

maalom, kelapa ini bukan-lah satu perkara yang kechil dan di-dalam negara kita ini, walau pun kita dapat tahu Yang Berhormat Menteri ini sangat mengambil berat di-dalam tanaman padi, dan begitu juga di-dalam Kementerian yang lain sangat mengambil berat di-dalam tanaman getah, tetapi tanaman kelapa ini yang mempunyai peruntukan sa-banyak \$3,218,000 saya fikir tidak sa-berapa banyak yang boleh di-tanam sa-mula kelapa. Kalau-lah kita siasat keadaan kelapa yang ada, terutama sa-kali di-kawasan saya, Sabak Bernam dan di-seluruh Pantai Selangor, di-seluruh Pantai Perak dan di-seluruh Pantai Johor, Trengganu dan Kelantan, maka kita akan ketahuilah bagaimana nasib pekebun² kelapa ini, terutama sa-kali pekebun² kelapa yang tidak ekonomik yang mempunyai kebun keluasan-nya kurang daripada 5 ekar. Mereka itu mempunyai pendapatan yang sangat rendah kalau kita bandingkan dengan sa-orang pesawah yang mempunyai sawah lebeh kurang tiga ekar sahaja. Oleh kerana itu, saya berharap sangat Yang Berhormat Menteri Pertanian ini akan dapat melebehkan lagi peruntukan-nya kerana saya dapati di-dalam peruntukan 5 tahun ada sa-banyak \$16,434,950. Saya fikir apabila tidak menchukupi boleh-lah di-ambil daripada peruntukan yang ada persediaan untuk 5 tahun ini.

Sa-bagaimana saya telah di-fahamkan apabila kelapa ini di-tanam sa-mula maka di-situ-lah baharu ada peruntukan daripada Kementerian Pertanian ini untuk memberi pertolongan dengan tanaman² selingan saperti tanaman koko dan lain² lagi, tetapi kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri menunggu kelapa yang sudah tua berumur 70-80 tahun baharu hendak di-tanam semula, dan baharu kita hendak galakkan tanaman selingan pada pekebun² kelapa ini, saya fikir terlalu lambat masa-nya dan keadaan ekonomi pekebun² kelapa itu lambat kita dapat bela dan dapat kita beri pertolongan. Dan saya harap-lah sangat kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat mengeluarkan satu perbelanjaan yang khas untuk memberi pertolongan kepada tanaman koko yang sedang di-lancharkan yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri faham di-sebelah Perak dan Sabak Bernam sambutan daripada ra'ayat ada-lah sangat² menggalakkan dan saya perchaya dalam masa sa-tahun lagi atau pun sa-tengah dua tahun akan

datang ra'ayat Sabak Bernam akan menjemput Yang Berhormat Menteri bagi memetek buah koko yang pertama-nya dalam negeri Selangor ini.

Dato' Pengerusi, lagi satu saya hendak menyentoh di-sini tentang masaaalah kemudahan² Persatuan Peladang peruntukan sa-banyak \$3,172,000 ada di-sediakan bagi kemudahan Persatuan² Peladang. Semenjak Parlimen ini meluluskan Akta Persatuan Peladang yang di-jalankan, saya nampak semua sambutan daripada petani² sangat² menggalakkan dan di-antara beberapa buah kampong telah pun menjalankan usaha² ini dan kerjasama daripada semua pehak ada-lah sangat² baik. Apa yang menduka-chitakan saya pada masa ini pentadbiran Persatuan² Peladang ini di-serahkan kepada arahan Ketua Pengarah Pertanian di-tiap² negeri dan daerah di-serahkan kepada Penolong Pegawai Pertanian Daerah sedangkan mereka² ini mempunyai tugas yang tertentu menyelenggarakan masaaalah pertanian di-dalam kawasan itu, menjaga petani² di-dalam kawasan itu dan memimpin Persatuan² Peladang. Ini saya fikir tidak menchukupi dengan tenaga yang ada pada mereka² itu. Saya puji kakitangan Kementerian Pertanian ini memang rajin. Tetapi kalau rajin, kalau kita beri beban yang lebeh daripada kekuatan mereka ini harus mereka ini akan lumpoh atau pun lemah salah satu daripada beban yang dua sa-bagini berat. Saya suka menchadangkan kalau boleh Yang Berhormat Menteri ini memberi pegawai² yang khas di-beri kursus—di-beri latehan yang chukup, kerana Persatuan Peladang ini bukan-lah untuk di-beri galakan sa-mata² di-dalam teknik pertanian, tetapi juga di-beri tugas untuk memproses hasil² pertanian dan untuk memasarkan pertanian. Tanggong-jawab ini ada-lah tanggong-jawab yang besar dan ini akan menjadi satu perkara memberi pertolongan besar kepada petani² di-dalam kawasan luar bandar. Saya sangat berharap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian yang sangat² berat di-dalam membentok masharakat Persatuan Peladang ini supaya mereka akan dapat memproses hasil² pertanian-nya sendiri dan dapat memasarkan dengan chara yang bagini barangkali matlamat kita bagi meninggikan ekonomi ra'ayat di-kawasan luar bandar akan terchapai. Sekian sahaja, Dato' Pengerusi, terima kaseh.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Dato' Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Saya suka-lah minta di-pendek²kan perbahathan itu, sebab pada akhir-nya nanti kita tidak chukup masa, masa itu baharu-lah hendak di-pendek²kan.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Dato' Pengerusi, saya minta izin menyentoh satu perkara sahaja di-dalam perkara yang kita sedang membahathkan ini ia-itu di-bawah Pembangunan 13 Pechahan-kepala 11, muka 89, satu perkara sahaja.

Tanah atau bumi Kelantan ada-lah tanah yang sangat sesuai untuk menanam tembakau—daun tembakau. Pada masa ini perusahaan menanam daun tembakau tersangat maju. Beribu² ra'ayat Kelantan mendapat keuntungan daripada menanam daun² tembakau ini. Ada dua sharikat yang besar² yang membeli daun² yang hijau atau pun daun yang telah di-masakkan daripada peladang² tembakau ini. Dan mereka ini membuat keuntungan yang besar yang berjumlah berjuta ringgit pada tiap² tahun. Akan tetapi, Dato' Pengerusi, kedua² buah sharikat ini ta' dapat hendak membeli semua daun² tembakau yang di-keluarkan oleh peladang² daun tembakau ini. Maka dengan sebab itu ada-lah juga peladang² yang menghadapi kerugian, maka dengan sebab itu, Dato' Pengerusi, saya merayu kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu Tobacco Industry membeli semua daun² tembakau yang di-keluarkan oleh peladang² ini, industri ini dapat memproses daun² ini dan mengekspot ka-luar negeri.

Saya perchaya ranchangan ini akan dapat menampung ekonomi ra'ayat² di-Kelantan yang miskin itu. Maka dengan sebab itu, saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini untuk membuktikan bahawa negeri Kelantan tidak di-anak-tirikan oleh Kerajaan Perikatan. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Pengerusi, berhubung dengan P. 13 ini, menyentoh Pechahan-kepala 133, saya berdiri di-dalam Dewan yang mulia ini untuk meng-ucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan kerana dari per-untokan sa-banyak \$15,878,935 dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua pada tahun hadapan ini di-peruntokan sa-banyak

\$6 juta untuk Ranchangan Taliayer di-kawasan Besut. Dato' Pengerusi, sejak negara ini menchapai kemerdekaan ini-lah satu²-nya projek yang agak raksaksa di-biyai oleh Kerajaan untuk daerah Besut. Jadi dengan sebab itu-lah saya rasa di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini sa-sudah Besut ketinggalan 10 tahun, maka ra'ayat Besut mula menerima satu nikmat hasil dari jasa baik Menteri Pertanian dan juga saya di-fahamkan bahawa Timbalan Menteri Kewangan juga ada memberi jasa baik-nya dalam mendapatkan peruntokan ini. Dengan sebab itu-lah walau pun cherita-nya pada mula projek ini hendak di-dahulukan di-Pontian, tetapi nampak-nya di-berikan ka-Besut dan saya ucapkan berbanyak² terima kaseh.

Dato' Pengerusi, saya juga suka menyentoh masaalah Pechahan-kepala 195, 197 dan 202.

Walau pun sudah banyak kali saya ber-chakap di-dalam Dewan ini mengenai dengan periklanan dan bantuan² yang patut di-beri oleh Kerajaan kepada kaum nelayan, saya dapati di-dalam peruntokan yang di-anggarkan bagi tahun 1972, untuk melateh nelayan² di-peruntokan sa-banyak \$2,111,000 bantuan wang kepada pengusaha² ikan \$814,000 dan kepada Lembaga Kemajuan Ikan sa-banyak \$2,000,000. Apa yang saya ingin menarek perhatian Menteri yang berkenaan kepada Lembaga Kemajuan Ikan, walau pun di-dalam peruntokan Ranchangan Malaysia Yang Kedua kita untokkan di-situ sa-banyak \$10,290,000 tetapi dengan pemberian untuk tahun 1972 sa-banyak \$2,000,000 saya khuatir kalau² pada tiap² tahun kita beri sa-banyak \$2,000,000 maka di-dalam tempoh 5 tahun chukup-lah \$10,000,000. Dengan peruntokan sa-banyak \$2,000,000 pada tiap² tahun memakan masa sa-lama 10 tahun tidak akan memberi suatu erti yang besar, tidak akan memberi perubahan yang besar kepada penghidupan kaum nelayan dalam negara kita ini. Chuma kalau kita belanjakan sa-banyak \$2,000,000 pada tiap² tahun, chukup masa-nya 5 tahun kita beritahu kepada ra'ayat sa-banyak \$10,000,000 kita sudah jalankan. Ini hanya-lah boleh di-jadikan bahan kempen dalam pilehan raya, tetapi tidak akan memberi suatu gambaran yang dapat kita lihat dengan kacha mata yang terang bahawa dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini nelayan yang merupakan kaum yang paling menderita dalam tanah ayer kita ini merupakan satu

gulungan yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tidak dapat kita menaikkan taraf hidup mereka ini walau pun bersaimbang dengan kehidupan kaum petani. Apa yang saya suka cheritakan terus terang dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, kalau didalam tempoh 5 tahun ini kita tidak dapat menaikkan taraf hidup kaum nelayan ini erti-nya mereka akan menjadi mangsa sa-panjang masa. Jadi dengan sebab itu-lah saya meminta dengan sunggoh² kepada Menteri yang berkenaan peruntukan yang di-beri sa-banyak \$2,111,000 untuk melateh nelayan dan \$814,000 untuk bantuan kepada perusahaan ikan juga \$2,000,000 untuk Lembaga Kema-juan Ikan ini dapat di-jalankan pada tahun depan ini dengan merupakan sa-bagai langkah permulaan dan apa-kala masuk tahun 1973 peruntukan yang saperti ini hendak-lah di-lipat-gandakan lagi.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan peruntukan untuk mengatasi banjir sebab saya nampak negeri² lain ada peruntukan itu. Jadi kalau tadi Ahli Yang Berhormat dari sa-belah sana mengatakan dia dapati negeri Perak ta' ada, saya chari² negeri Trengganu pun ta' ada. Saya tidak faham ada-kah bahawa negeri Trengganu ini sa-buah negeri yang memang selamat daripada banjir, atau pun kalau kita sudah menyekatkan masaalah banjir ini di-Kelantan mithalan-nya atau di-Pahang saperti yang ada di-untukkan di-sini maka negeri Trengganu dengan sendiri-nya yang ada di-tengah² itu terselamat atau pun kerana ketinggalan sa-masa menchetak buku ini pun entah-lah, tetapi kalau tidak-lah berdasarkan kapada apa yang saya sebutkan tadi, saya menyeru benar-lah sa-moga Menteri yang berkenaan dapat memberi perhatian sa-chara mendalam bahawa negeri Trengganu juga perlu kapada peruntukan untuk mengatasi banjir ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, under Kepala P. 13, Pechahan Kepala² 51 to 155, I am glad to notice that there are special provisions for flood control schemes in various States. But I am obliged to agree with the Honourable Member for Johor Tenggara—and I must stress, of course, that it is very seldom, very very rare, that we ever agree with him—I do not know whether it is an act of providence or through the vagaries of fate that we so seldom agree with him. But it is regrettable

that there is no provision for Trengganu, Perak and Penang for special flood control schemes; and for Malacca and Negri Sembilan there are only token sums of \$10. You will remember that in the January, 1971 floods, Malacca and Negri Sembilan were rather badly mauled by the floods and it is also surprising, Sir, that Pahang, the State which all of us know is the worst-hit State as far as the floods are concerned, gets only \$600,000 whereas Selangor a comparatively luckier State than Pahang gets \$1,100,000 for this special flood control scheme. So, there is no sense of priority as far as these allocations are concerned. It appears to me also, Sir, that the Minister does not seem to have taken into consideration places like Kuala Kangsar, where the Honourable Minister comes from, the Royal Town of Kuala Kangsar, the whole town in fact gets flooded every year right up to the roofs of shop-houses; and the Tanjong Malim and Slim River areas are also rather bad areas in Perak. But, as I said, there are no provisions for Perak for these special flood control schemes.

Mr Chairman, Sir, I would just end by saying that these flood control schemes convey the impression rightly or wrongly that the Ministry has not come to grasp with the real problem of floods, which has actually become a national problem. The very word "control", the use of the only word "control" itself gives the impression that we are only concerned with the control and not the prevention of floods. Of course, Sir, I am not trying to suggest that we create or embark on a miracle or try a miracle by preventing rains and monsoons to come. No. But, perhaps, we could do all we can to prevent as well as control floods, not just control, because it gives the impression that we are prepared to allow a situation whereby there are already floods and all we do is just to control them but nothing is being done to prevent as much as possible.

I would, in this connection, like to call upon the Government to set up a special Department of Flood Prevention and Control, because it appears to me that many of these flood control schemes in the various States are more or less on an *ad hoc* basis. Something must be done not only to systematise but also to put more emphasis and more concentration. So, I think a Special Department of Flood Prevention and Control is

necessary, because I am sure the Honourable Minister would not like to allow a situation whereby all of us may have to build another Noah's Ark. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sa-chara rengkas dalam membicarakan Kepala P. 13 ini. Yang pertama ia-lah Pechahan-kepala 3—Kemudahan² Penyelidekan MARDI yang peruntukan-nya sa-banyak \$4,625,720. Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memerintah atau pun mengambil perjalanan supaya MARDI ini dapat menjalankan penyelidekan-nya dengan segera agar kehendak kaum tani atau pun penanaman² yang ada di-seluruh negara ini dapat menyesuaikan kehendak mereka. Yang saya maksudkan di-sini ia-lah tentang ada-nya MARDI ini sudah lama, tetapi hasil penyelidekan-nya tidak begitu ketara. Yang saya ingin menyebutkan ia-lah tentang masalah² saperti yang ada di-negeri Trengganu. Apa yang saya tahu sangat ia-lah tentang limau yang tidak pun ada usaha untuk dapat di-gunakan dengan chara yang lebeh lama dan lebeh tahan supaya dapat di-jual dengan lebeh mendatangkan untong. Jadi, yang saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini.

Yang kedua, dalam Pechahan-kepala 18—Penanaman/Pemulehan Sa-mula Kelapa. Di-sabelah Pantai Timor, khas-nya di-negeri Trengganu kebanyakan kelapa ini di-tanam di-tanah pasir atau pun di-tepi pantai. Jadi, yang menjadi masalah-nya ia-lah pokok kelapa ini tidak berbuah. Kalau tanah lebeh daripada dua ekar yang tidak ada rumah di-dalam-nya pokok kelapa tidak berbuah. Jadi, menjadi kesulitan kepada orang² di-sana untuk membuat perusahaan atau pun penanaman kelapa. Hanya mereka tanam kelapa ia-lah di-sekitar rumah mereka. Sa-baik²-nya sa-tengah ekar ada sa-buah rumah, baharu-lah kelapa itu berbuah dan kalau tiap² sa-orang mempunyai lima ekar, tidak berbuah. Jadi, hal ini memang kita dapat lihat di-tepi jalan Federal atau pun jalan besar di-antara Pahang dengan Trengganu dan kiri kanan itu nampak pokok² kelapa, tetapi buah-nya tidak ada. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini supaya orang² di-sana dapat menanam kelapa

dengan dapat menghasilkan buah dan kapada mereka sudah tidak berdaya lagi untuk membuat penyelidekan sendiri, hendak membunuh baja sendiri pun tidak terdaya. Jadi, saya rasa pehak Kementerian harus lebeh mengetahui dengan ada pakar²-nya yang lebeh bijak untuk menjalankan penyiasatan dalam hal ini.

Sa-lain daripada itu dalam Pechahan-kepala 39—Sekolah Latehan Luar Bandar bagi Peladang². Nampak-nya di-Sarawak ada Sekolah Latehan Luar Bandar bagi peladang², tetapi yang saya ingin mengingatkan kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Tanah ia-lah di-negeri Malaysia Barat ini patut kaum² peladang atau pun kaum² tani kita di-beri latehan supaya mereka dapat menjalankan perusahaan ini dengan lebeh sempurna dan lebeh moden dan dapat mengeluarkan hasil yang lebeh lumayan, sebab saya tahu memang kebanyakan tempat kita ini menjalankan usaha²-nya atau pun pekerjaan²-nya dengan chara kuno. Jadi, sa-baik²-nya Kerajaan melateh mereka atau pun menghantar mereka ka-tempat² latehan yang di-selenggarakan oleh Kementerian Pertanian dan Tanah supaya mereka lebeh faham hal atau pun chara² memodenkan tanaman² mereka.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam Ranchangan Menchegah Banjar ini saya sa-pendapat dengan rakan saya daripada Besut, di-mana di-Trengganu nampak ketinggalan sedangkan di-Trengganu memang penyakit banjir ini sama-lah dengan Kelantan dan Pahang. Banjir ini sa-lama²-nya sudah ada, chuma di-sa'at² yang akhir ini penyakit ini melarat ka-Perak dan Johor. Jadi, kedudukan kami di-Trengganu patut di-ambil perhatian juga, sama juga dengan tempat² yang lain.

Satu perkara yang saya ingin menyebutkan juga ia-lah tentang Parit. Saya pernah mengemukakan berhubung dengan satu perkara parit di-tempat kami di-daerah Dungun di-mana satu tanah yang berhampiran dengan bandar Kuala Dungun. Tanah itu ada lebeh daripada 10,000 ekar dan tanah itu mengikut apa yang saya tahu daripada pehak Pegawai² Pertanian mengatakan tanah ini sa-kira-nya dapat di-keringkan ayer-nya boleh di-tanam dengan pokok kopi atau pun sa-bagai-nya, sebab tanah ini tanah gambut. Jika di-buat perusahaan saperti itu

lebih baik. Chuma yang menjadi masalaah nya ia-lah tanah ini ta' pernah kering ayer-nya. Jadi, saya fikir² dalam ranchangan ini ada termasuk kawasan itu, tetapi nampak-nya tidak di-masokkan. Jadi, saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya di-masokkan hal ini, sebab saya telah mengemukakan kapada pehak Pegawai Daerah dan pehak yang berkuasa di-negeri Trengganu dan mereka mengharap-kan supaya pehak Kementerian Pertanian dan Tanah mengambil perhatian. Jadi, inilah saya bawa hal itu kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat di-ambil tindakan.

Sa-lain daripada itu saya ingin menyebut-kan satu perkara lagi ia-lah tentang Perikanan yang bermula daripada Pechahan-kepala 195 dan sa-terus-nya. Jadi, kami sekarang ini menjadi penyakit benar di-Trengganu, khas-nya bagi daerah Dungun, Marang dan Kemaman. Penyakit ini ia-lah penyakit yang saya rasa pehak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tahu ia-itu mereka di-aniaya oleh pehak nelayan luar negeri sa-hingga sekarang ini beribu² bubu mereka telah di-musnahkan oleh nelayan² luar negeri. Jadi, sa-benar-nya hal ini khabar-nya kerana nelayan² luar negeri marah kapada pehak Kerajaan mengambil tindakan kapada mereka yang pergi menangkap ikan di-kawasan kita. Sa-tahu saya pehak Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang berada di-kawasan kita dan mereka marah. Apabila saya menyiasat di-khabarkan kapada saya bahawa nelayan² ini ada-lah nelayan daripada negeri asing, negeri Taiwan. Jadi, oleh kerana perkara ini perkara yang chukup mendesak sekarang ini, saya harap sa-chara segera pehak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan meng-ambil perhatian ada-kah mereka marah kapada Malaysia menyokong negara China Kominis.

Tuan Pengerusi: Kepala mana Yang Berhormat berchakap ini?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kepala 195 dan 196—Menangkap Ikan. Jadi ada-kah bagitu atau kerana apa dia marah kapada kita. Chuma yang saya berharap di-sini ia-lah kerana kaum nelayan kita ini chukup sakit dan menderita mata pen-charian-nya. Saya harap sa-chara dengan

hormat-nya, dengan besar hati saya mewakili mereka di-sana, minta supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian. Sekian, terima kaseh.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): *(Dengan izin)* I will take only a few minutes, Mr Chairman.

Tuan Pengerusi: Thank you!

Dr Chen Man Hin: Referring to Sub-heads 195 and 219, Mr Chairman, Sir, the problems of fishermen along the coastal shores of Perak and Kedah have been recurrent for the past few years in the constant fights—every now and then we see in the newspapers of fights between off-shore and inshore fishermen. I was up there the other day and I was told by some people, some fisher folk, that the main contention between these people was over fishing grounds or trawling grounds. Therefore, I would urge the Minister of Agriculture and Lands that his Ministry should spend more time on looking for more fishing grounds so that there would be more fish or prawns to catch for these fishermen. More attention should also be concentrated on the training of fishermen, not only among the fisher folk themselves but even to encourage youths, young people from schools to take up a career in fishing, because it is useful and also paying as we see examples in other developed countries like Japan where they engage in trawler fishing and also international fishing where ships go all over the world for deep sea fishing and bring in rich hauls of fish.

Then under Kepala 173—Animal Industries. Here I would like to ask the Minister of Agriculture as to the reason why a centralised abbatoir was sited at Petaling Jaya and not at some other place like Negri Sembilan. For the following reasons: firstly, because Negri Sembilan is the largest producer of pigs in this country and also poultry. Secondly, in view of the Government's policy of decentralising industries, it was therefore expected that such a processing factory should have been sited at the place which produces the largest number of pigs and poultry. Thirdly, the question of unemployment arises. Should the abbatoir in Seremban itself be abandoned? Quite a number of people, a couple of hundred chaps, will be out of employment. Therefore, I urge the Minister to reconsider

this problem and find some compromise or accomodation for the butchers and pork sellers in Negri Sembilan.

Then one more point, Mr Chairman, Sir, under Pechahan-kepala 3—MARDI. MARDI, as you know, has a very important role to play especially now that rubber has such a low price. It has the important role to find riches from the soil and then to literally turn the soil into gold; it has the important role to find more crops for small-holders to plant. Therefore, I would like the Honourable Minister to let us know in detail the nature of research which MARDI is at present concentrating on and also the number and type of scientists that it is employing. Thank you, Sir.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, muka 110, P. 13, Pechahan-kepala 292—Projek² Kechil bagi Memajukan Ekonomi Orang Asli.

Orang² Asli ada-lah bumiputra yang asal sa-kali di-negeri ini. Kehidupan mereka tersangat² terchichir. Pada hari ini kita tengok jikalau kita pergi hala ka-Pahang, kita boleh tengok mereka di-pertunjokkan pada ramai—macham exhibition. Bila orang luar negeri datang kita tunjukkan: Ini-lah orang asli, ini-lah bumiputra yang asal sa-kali penduduk negeri kita. Kehidupan mereka sa-lepas Merdeka terus-menerus begitu sahaja. Ada-lah di-tolong sedikit² di-beri itek, di-beri ayam, di-beri kambing. Di-beri kambing, kambing pun mati, di-beri ayam, ayam mati. Mereka ini terus-menerus juga pergi ka-dalam hutan menchari damar, menchari rotan. Kehidupan mereka sungguh pun dapat rotan, dapat damar, tetapi ter-tipu, terus tertipu oleh orang² tengah. Pembelaan daripada Kerajaan tersangat² sedikit.

Tahun ini, tahun 1972, perbelanjaan lebih kurang \$1,277,000. Di-harap dengan ada-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang memakan belanja kepada Orang² Asli ini, ia-itu Projek² Kechil bagi Memajukan Orang Asli ini dalam iktisad-nya sa-banyak \$5 juta. Peruntukan ini mesti-lah di-pergunakan betul² untuk meninggikan taraf hidup bumiputra Orang Asli ini tadi.

Ada tanah² Orang Asli yang di-namakan 'Asli Reserve' atau pun Orang Asli di-beri tanah reserve, tetapi terbiar—terbiar hutan, ada pun di-tebang² di-tanam getah, getah

asli juga taraf rubber yang enam puluh tahun dahulu. Ini kalau ta' perchaya boleh-lah di-lihat di-mana² sahaja. Jadi, sa-patut-nya jikalau ada Asli Reserve ini di-mana² juga jikalau betul² Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup Orang Asli ini, Tanah² Asli reserve ini di-tebang, di-tebas di-buat ranchangan luar bandar di-tanam dengan getah yang baik, di-tanam kelapa bali yang baik, kerana tanah² ini tidak boleh di-pechah²kan macham Malay Reserve atau apa², dia kalau Asli Reserve—Asli Reserve; chara begitu di-buat. Jadi, buat satu sekim, buat satu chara betul² Kerajaan Perikatan untuk menolong Orang Asli pada hari yang akan datang dan terus-menerus supaya betul² Orang Asli ini yang di-katakan bumi-putra yang asal untuk mendapat kebahagiaan hidup di-dalam membena iktisad-nya di-negeri yang merdeka dan berdaulat ini.

Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 293—Penyiasatan dan Penyelidikan. Tahun ini chuma \$10,000 sahaja, kalau penyelidikan, penyiasatan chuma \$10,000 apa hendak di-siasat. Barangkali entah-lah saya pun ta' tahu. Dengan sebab itu pada tahun yang akan datang di-harap-lah Kementerian yang bertanggung-jawab memberi lebih sedikit berkenaan penyiasatan dan penyelidikan dalam Kementerian ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, dalam menyokong berkenaan dengan pembangunan yang ada di-hadapan kita pada hari ini, saya suka-lah menyentuh berkenaan P. 13—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang berjumlah sa-banyak \$10,718,200.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Tuan Pengerusi juga ma'alum dan saya juga pernah berchakap dalam Dewan ini sudah beberapa kali bahawa nasib penduduk² atau ra'ayat di-dalam Negeri Perlis hanya sa-mata² bergantung kepada padi atau pertanian. Kerana di-dalam Negeri Perlis sa-lain dari pertanian, boleh di-katakan tidak ada, getah kalau ada pun tidak begitu banyak dan tanah pun tidak ada lagi pada masa ini dan begitu juga lain² hal. Dalam kemajuan tanaman padi ini, saya menguchapkan banyak terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengambil daya usaha dan inisiatif yang bersungguh² dan begitu juga kepada Kerajaan Malaysia dengan mengadakan Ranchangan Perayeran Muda dan dengan ada-nya Ranchangan Perayeran Muda ini,

maka dapat-lah ra'ayat² dalam Negeri Perlis ini hidup lebeh mewah sadikit dengan masa² yang telah lalu dan di-dalam memainkan peranan yang penting sa-kali di-dalam meninggikan taraf hidup ra'ayat di-dalam Negeri Perlis ini ia-lah Lembaga Pemasaran Padi. Kerana di-situ-lah tempat tumpuan ra'ayat² menjual padi, mengering padi dan sa-bagai-nya. Tetapi, walau pun begitu ada banyak lagi kelemahan² yang patut di-perbaiki oleh Kementerian ini berkenaan dengan hal ehwal Lembaga Pemasaran Padi ini dan begitu juga masalah mengering padi ini dan menjemor padi kerana buat musim yang pertama ini, maka tentu-lah petani² akan berjumpa musim hujan.

Maka itu-lah satu masalah yang besar, Tuan Pengerusi, yang di-hadapi oleh petani² negeri Perlis manakala mereka itu mengambil padi pada musim hujan dan tidak ada lagi buroh² yang akan dapat menolong mereka, maka tiap² orang bertungkus-lumus bekerja di-atas tanah mereka sendiri. Dan oleh sebab tidak mempunyai begitu banyak kakitangan bagi sa-sorang keluarga itu kadangkala kita dapati banyak-lah padi² mereka itu yang tumbuh dan hendak di-jual tidak di-terima oleh mana² pehak. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi bantuan kepada petani² ini supaya dapat mereka itu membena tapak² semaiyan di-tiap² rumah mereka supaya dapat mereka mengeringkan padi, menjemor padi dengan sa-berapa segera. Jadi dengan dapat itu dapat-lah mereka itu menjual padi itu, tidak lagi padi basah.

Jadi sa-lain daripada masalah yang tersebut, Tuan Pengerusi, sa-bagai pemasaran itu sudah tahu-lah bagi masa akan datang harus akan di-namakan Lembaga Padi Beras dan masalah yang paling rumit dalam negeri Perlis pada hari ini ia-lah masalah penyeludupan. Di-masa yang telah lalu kita dengar penyeludupan beras, tetapi pada hari ini penyeludupan padi telah mula masuk ka-dalam negeri Perlis. Mereka itu membeli, Tuan Pengerusi, di-luar dengan harga satu pikul \$6—satu pikul \$6. Jadi kita menjual di-sini satu pikul \$16, tetapi mereka itu membeli padi luar yang masuk ka-dalam negeri Perlis satu pikul \$6. Apa akan jadi sa-kira-nya kalau kita tidak mengambil tindakan yang begitu keras sa-kali untuk

menchegah penyeludup² ini supaya jangan begitu bermaharajalela dan merebak ka-dalam negeri Perlis.

Berkenaan dengan masalah ini juga, Tuan Pengerusi, saya bagi pehak ra'ayat negeri Perlis menguchapkan banyak terima kasih, terutama sa-kali kepada Lembaga Padi Beras termasuk juga kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah mengambil daya usaha yang bersungguh² untuk menchegeh penyeludupan² beras yang begitu besar masuk ka-dalam negeri Perlis. Kalau saya cheritakan tentu, Tuan Pengerusi, pun tidak perchaya. Kalau dalam Kuala Lumpur ini orang membuat rumah haram dalam malam sahaja dua tiga buah, tetapi dalam negeri Perlis orang membuat jalan haram daripada sempadan Siam masuk ka-negeri Perlis waktu malam dengan upahan lebeh kurang \$1,000; \$2,000; \$3,000 dengan satu malam berpuluh² lori dapat masuk dengan jalan haram, besok pergi tengok tinggal bekas sahaja. Jadi dengan hal yang demikian baharu² ini raja penyeludup pun telah ditangkap. Dan sa-malam, Tuan Pengerusi, saya telah menerima taligerem dan saya minta izin, Tuan Pengerusi, saya hendak bacha taligerem, pendek sahaja, berbunyi:

“Yang Berhormat,
Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail,
Wakil Parlimen Perlis Selatan,
d/a Persidangan Belanjawan Parlimen,
Kuala Lumpur.

Kami petani² negeri Perlis Selatan meminta kepada tuan sampaikan ucapan tahniah kepada Lembaga Padi Beras Malaysia yang telah berjaya menghapuskan raja² penyeludup antara Thai-Malaysia. Kami berdo'a sa-moga tindakan yang sa-umpama itu berjalan terus. Terima kasih.

PETANI² NEGERI PERLIS.”

Jadi dengan kerjasama daripada petani², Tuan Pengerusi, saya perchaya-lah bahawa penyeludupan yang sa-macham ini akan dapat di-chegeh dan hidup ra'ayat negeri Perlis ini akan dapat hidup dengan mewah kerana beras yang di-bawa masuk yang diseludup masuk, Tuan Pengerusi, dalam negeri Perlis kita boleh dapat beli beras yang sa-habis baik pada sa-guni \$26. Bukan payah. Tuan Pengerusi, kita pergi dudok dekat teksi sahaja, sekejap nanti datang orang bertanya

hendak beli beras, jadi bagitu bebas-nya boleh jual beras itu tadi. Jadi macham saya sebut tadi saya ucapkan ribuan terima kaseh sa-kali lagi kapada Yang Berhormat Menteri telah mengambil daya usaha yang bersungguh² dalam perkara yang tersebut.

Kemudian berbalek saya lagi dalam perkara MARDI bagitu juga MADA. Biar kedua²-nya saya chakap. MARDI tujuan-nya bagitu lama hendak memberi taraf hidup yang tinggi kapada ra'ayat dalam Malaysia ini khas-nya padi² dan MARDI telah bagitu lama di-tubuhkan, tetapi saya maseh tompang berdukachita sama-lah kerana MARDI tidak dapat berjalan dengan bagitu chergas, dan kalau kita bandingkan pengeluaran hasil pertanian di-negeri Thai dengan kita di-Malaysia pada hari ini, maka kita dapati mereka itu dapat mengeksepot. Dahulu kalau limau mereka itu masam, sekarang limau yang di-katakan limau langkah hampir akan menjadi limau Mandarin—mandarin orange. Kalau orang tidak bagitu mengatakan mandarin orange. Dan bagitu juga durian² yang di-bawa masuk dari Siam ka-Malaysia kita boleh dapat tahu bahawa durian² mereka itu tidak lagi berbau macham durian kita yang mana sangat di-takuti oleh orang negeri luar hendak makan durian ini kerana bau-nya sahaja, tentang memakan-nya lazat, tetapi bau-nya. Jadi saya perchaya kalau MARDI dapat memainkan peranan yang bersungguh², maka dapat-lah taraf pertanian² dalam negeri kita Malaysia ini kita akan berjalan dengan baik-nya.

Kemudian berkenaan MADA. Saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri supaya Jawatan-kuasa dalam MADA itu sa-harus-nya ada juga-lah daripada orang negeri Perlis bersama dalam Lembaga itu, kerana Perlis pun ia-lah negeri banyak mengeluarkan padi. Tetapi MADA pejabat-nya di-Kedah dan kadangkala kalau kita minta datang berdailok di-Perlis Pengerusi-nya barangkali kalau tidak salah saya selama di-tubuhkan MADA ini sa-kali datang ka-Perlis ini. Saya berharap Pengerusi MADA hendak-lah selalu datang berdailok dengan petani di-negeri Perlis supaya mereka itu dapat mengemukakan masalaah² yang sedang di-hadapi oleh petani². Jadi dengan chara yang demikian banyak-lah masalaah² yang Kerajaan dapat menolong melichinkan perjalanan MADA dan di-antara petani di-dalam negeri Perlis ini.

Pada akhir sa-kali latehan luar bandar bagi peladang. Saya merayu kapada Menteri supaya menimbangkan Perlis juga mengadakan sekolah latehan luar bandar bagi peladang. Kalau tidak boleh dengan sa-penohnya biar-lah mengadakan kursus yang pendek enam bulan, tetapi biar-lah terator, tidak-lah sa-bagaimana di-adakan sekarang tidak terator dengan sempurna-nya supaya chara demikian kerana saya selalu melawat ka-pusat² latehan kursus pertanian di-Bukit Temiang itu, saya selalu melihat di-situ dan saya dapati banyak lagi kekurangan yang harus di-ambil perhatian oleh Menteri yang berkenaan di-dalam perkara yang tersebut. Jadi saya perchaya Yang Berhormat Menteri tentu akan melawat ka-Perlis tentu-lah akan memberi peruntukan yang lebeh besar bagi menolong pusat latehan itu tadi.

Akhir-nya berkenaan dengan perikanan. Yang Berhormat Menteri sudah pun bersetuju dengan Kerajaan Negeri Perlis di-masa yang telah lalu berkenaan dengan masalaah pukut-tunda. Pada hari ini Kerajaan Negeri telah bersetuju dan bagitu juga pehak Sharikat Kerjasama Nelayan di-Kuala Perlis telah membuat permohonan hendak menjalankan pukut-tunda negeri Perlis, saya perchaya permohonan telah pun sampai kapada Yang Berhormat Menteri dan harap-lah supaya Yang Berhormat Menteri mengambil daya usaha yang bersungguh² bagi memajukan berkenaan dengan masalaah perikanan atau nelayan dalam negeri Perlis ini.

Pada akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya telah di-fahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri dalam masa lawatan-nya keluar baharu² ini beliau telah melawat ka-negeri Jerman dan beliau telah membuat satu rundingan yang tidak rasmi, meminta pehak Kerajaan Negeri Jerman membuatkan satu adoption, jadikan satu ranchangan anak angkat, kalau tidak salah saya, berkenaan dengan ternakan. Jadi itu ada-lah satu fikiran yang sangat bijak. Jadi dengan sa-chara yang demikian kita akan dapat banyak kemudahan², kalau kita dapat pertolongan daripada negeri² yang bersahabat dengan kita yang bagitu tulus ikhlas hendak membantu dan kita berharap bukan itu sahaja, kalau boleh-nya, biar-lah lain² ranchangan lagi, kalau dapat mereka itu menjadikan anak angkat. Banyak lagi ranchangan di-dalam Malaysia ini saya perchaya bahawa sa-nya Malaysia dan ranchangan tujuan saperti

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita masaalah hendak meninggikan ekonomi untuk bumiputra ini akan dapat berjaya dengan baik-nya. Jadi sekian, itu-lah sahaja, terima kaseh.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk mengalu²-kan wang perbekalan yang telah di-berikan kepada Kementerian Pertanian dan Tanah. Jadi saya suka mengambil peluang berchakap dalam dua tiga perkara yang saya harap mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pehak Kementerian yang berkenaan, ia-itu muka 101 Pechahan-kepala 139 mengenai dengan Pembangunan Projek Pertanian, Johor Barat.

Di-sini saya suka memberikan pandangan dan pendapat kepada pehak Kementerian yang berkenaan ia-itu di-dalam kawasan saya ada mempunyai kebun pertanian sa-banyak lebeh kurang 5,000 ekar yang telah di-tanam dengan kelapa dan getah. Jadi kebun² ini telah musnah di-sebabkan ayer laut yang telah menempoh di-dalam tanah² mereka ini, walau pun pehak Kerajaan telah memberikan peruntukan sa-banyak \$200,000 untuk membuat tembok menghalang ayer² masin masuk di-dalam kebun² dan petani², tetapi belum sempat siap tembok ini, tempat yang lain pula telah pechah. Jadi telah bertahun² perkara ini berjalan dan pehak petani² yang mempunyai kebun kelapa dan kebun getah yang mana mereka biasa-nya telah mendapat pendapatan sa-bulan sa-banyak \$200 hari ini pendapatan mereka telah merosot. Jadi kita harap kepada pehak Kementerian supaya menyiasat lebeh lanjut lagi mengapa-kah sahaja usaha² dan kerja yang telah di-laksanakan tidak memberi bekas terhadap kepada pehak petani² dan pekebun² di-situ walau pun pehak Kerajaan telah mengeluarkan beberapa banyak wang yang saya katakan tadi \$200,000 tetapi buat di-kiri di-kanan pechah, buat di-kanan di-kiri pechah apabila tembok itu telah di-tempohi oleh gelombang yang kuat. Jadi dengan ini kita harap-lah supaya perkara ini tidak berlarutan sa-panjang penderitaan yang telah di-alami oleh pehak pekebun² yang ada mempunyai kebun getah dan kelapa di-situ.

Dan juga mengenai dengan kebun sawah padi yang sa-banyak 2,500 ekar yang telah juga saya bawakan di-dalam sidang Parlimen yang lalu yang mana memakan

belanja sa-banyak \$5 juta untuk membuat perbekalan ayer kerana padi itu tidak dapat hidup dan tidak dapat mengeluarkan hasil di-sebabkan kekurangan ayer, tetapi manakala telah di-adakan penyelidekan dan penyiasatan terhadap pada sawah padi yang sa-banyak 2,500 ekar, tidak lojik Kerajaan mengeluarkan belanja sa-banyak \$5 juta, maka tanah ini telah di-persetujukan ditukarkan daripada tanaman padi kepada menjadikan tanah pertanian ia-itu bertanam barang yang lain daripada padi. Jadi kita harap pehak ini supaya dapat pehak Kementerian mengambil perhatian yang berat supaya jangan-lah kebun² yang sa-banyak 2,500 ekar ini telah bertahun² tidak mengeluarkan hasil walau pun penduduk di-situ telah berusaha sa-berapa daya bertanam padi tiap² tahun, tetapi padi tidak berubah, chuma hilang begitu sahaja. Jadi kalau sa-kira-nya Kerajaan mahu mengubah tanah itu untuk di-jadikan tanah pertanian di-tanam lain daripada padi kita harap supaya di-berikan peruntukan dengan sa-chepat mungkin supaya dapat mereka itu mengembalikan kehidupan mereka dan mencharikan menambahkan pendapatan mereka yang sa-lama hari ini telah menderita di-sebabkan padi mereka tidak dapat mengeluarkan hasil.

Di-dalam pechahan-kepala 53 ia-itu Ranchangan Menchegah Banjir. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka memberikan pandangan ia-itu dalam negeri Johor penyiasatan telah di-buat, banjir ini dapat di-chegah dengan chara pehak Kerajaan dapat mengeluarkan wang sa-banyak \$120 juta bagi membaiki keparitan di-kawasan Johor Barat. Jadi dengan ini saya berharap kepada pehak Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberikan peruntukan itu. Jikalau sa-kira-nya peruntukan ini telah dapat di-usahakan, di-laksanakan di-Johor, saya perchaya tidak akan dapat menempoh banjir bagaimana yang telah kita alami pada hari ini sa-tiap² tahun.

Pechahan-kepala 134—Membaiki dan Memulehkan Sa-mula Projek² yang Rosak oleh Banjir. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya berharap kepada pehak Kementerian dapat memberikan peruntukan yang lebeh kepada negeri Johor kerana negeri Johor khas-nya di-negeri saya, manakala berlaku banjir ayer telah bertakong sa-lama 3 minggu dan kadang² sampai sa-bulan. Jadi dengan lamanya ayer bertakong di-dalam kawasan² itu

menyebabkan segala jalan² telah musnah dan chuchok tanam habis mati. Jadi tentulah memerlukan wang yang banyak untuk memulehkan jalan² raya yang di-gunakan oleh penduduk² di-dalam kawasan itu yang mana pada tahun yang lepas saya telah merayu untuk menghantarkan permohonan peruntokan bagi memohon pemulehan jalan² raya yang rosak di-sebabkan banjir, tetapi kita tidak dapat bantuan yang sa-chukopnya dan di-samping itu di-dalam masa sa-lepas banjir yang mana pehak Pejabat Pertanian telah pun menyiasat kepada pehak petani² yang telah menimpa banjir atas kerugian² yang telah di-alami mereka tetapi sa-hingga hari ini kita tidak dapat satu apa pun berita² mengenai dengan penyiasatan itu. Saya pernah di-tanya oleh penduduk² apa-kah tujuan penyiasatan yang telah dibuat oleh pehak Jabatan Pertanian mengenai dengan kerugian² yang telah di-alami oleh pehak petani² di-dalam masa mereka mengalami banjir. Dangan ini, saya berharap kepada pehak Kementerian mengambil perhatian berat mengenai dengan perkara yang tersebut.

Pechahan-kapala 165 ia-itu Pusat Menternak dan Membiak Babi. Di-sini saya suka-lah memberikan sedikit pandangan dan perhatian supaya ternakan ini dapatlah pehak Kementerian memberikan satu kawasan yang sesuai dengan-nya kerana makanan² yang di-beri kepada binatang ini ada-lah berlainan daripada ternakan² yang lain ia-itu saya rasa elok ternakan ini di-sediakan kawasan bersendirian daripada masharakat yang ramai penduduk²-nya. Sebab dari segi kesihatan pun, rasa saya, mungkin terganggu kerana orang ramai sentiasa tercium bau yang tidak menyenangkan hati dan fikiran mereka. Kerana saya semua tahu bahawa udara yang berseih mesti-lah datang-nya dari sekitar kawasan yang tidak tersentuh oleh bau² naijs atau kekotoran² dari kandang² ternakan yang sa-umpama itu.

Oleh yang demikian sa-elok²-nya hendaklah di-sediakan satu kawasan khas dan terjauh daripada tempat² tinggal orang ramai semoga dengan chara yang demikian, saya perchaya dengan sendiri-nya Kerajaan akan terlepas daripada sungutan² ra'ayat yang tidak bersetuju menchiiumi bau busok mengganggu udara yang berseih di-sedut sa-tiap masa siang dan malam khas-nya di-kawasan saya hari ini boleh di-katakan

berpuloh² ribu binatang yang saya sebutkan tadi berselerak dalam kawasan² yang ramai penduduk² di-tempat itu. Jadi dengan ini saya berharap kepada pehak Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang berat atau membuat satu dasar membolehkan binatang ini di-bela, di-pelihara jauh daripada orang² ramai.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh di-dalam Kepala P. 13 ini di-atas pechahan-kepala 1—FAMA. Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-buah negeri yang ra'ayat jelata-nya hidup kebanyakan-nya bergantung kepada pertanian atau pun bertanam padi, maka FAMA ada-lah satu badan yang di-harapkan oleh petani² yang berbandang di-negeri Kedah untuk memberikan satu nyawa baharu atau pun nafas baharu di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini untuk kehidupan mereka.

Tuan Pengerusi, dalam soal FAMA ini saya rasa sa-makin hari sa-makin baik keadaan-nya dan pentadbiran-nya dan walau pun pada masa awal² dahulu FAMA telah pun ada sedikit sa-banyak terjejas nama-nya, nama ta' baik kepada petani² negeri Kedah, tetapi Alhamdulillah pada masa sekarang ini sudah ada bertambah baik sedikit. Tetapi, Tuan Pengerusi, penyakit FAMA dalam negeri Kedah ini, saya rasa FAMA ini kalau tidak-lah chepat kita ubatkan, saya rasa FAMA ini kalau pun ta' mati, sangat-lah terok. Ini ada-lah kerana persaingan dengan pertubuhan mengilang padi yang besar. Jadi, apa yang saya harapkan supaya FAMA menjadi satu ejen membeli pada keselurohan-nya, jangan menjadi sa-bagaimana sekarang ini, kalau saya hendak kata sa-bagai ejen bagi kilang padi besar pun ta' patut, tetapi kadang kala-nya ada keadaan yang begitu berlaku. Jadi oleh kerana itu, saya harap dapat-lah FAMA menyediakan kesanggupan²-nya sa-bagai pembeli padi—tambah lori lebeh banyak, guni, pegawai², kilang mesin padi supaya di-banyakan. Tetapi apa yang saya tahu sekarang, Tuan Pengerusi, FAMA hanya memikirkan untuk mendirikan kompleks untuk mengeringkan padi. Bagus juga kilang mengeringkan padi itu, tetapi jangan-lah di-lupakan kilang untuk mengisar padi.

Tuan Pengerusi, apa yang saya harap lagi, oleh kerana FAMA ini sudah jadi permainan, menjadi satu source, menjadi satu

tempat untuk pertarongan politik antara parti² politik. Saya harap FAMA ini jangan-lah menjadi satu bahan, atau pun satu benda yang dapat di-main²kan oleh kuasa² politik, bahkan FAMA mesti-lah benar² menjadi satu badan yang khas untuk membeli padi dan memberikan kebaikan hasil harga padi kepada petani².

Kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh tentang Pechahan-kepala 3 bersangkut paut dengan MARDI. Saya tidak pasti, tetapi apa yang saya tahu MARDI telah pun membelanjakan wang terlampau banyak di-dalam menyiasat tanaman² khas-nya padi. Tidak-lah kalau pun padi sekarang ini sudah di-arahkan atau pun di-berikan kepada petani² nama² padi baharu dan mereka sudah menchuba-nya, tetapi apa yang saya berharap kepada MARDI supaya dapat berikhtiar, atau pun berusaha menyelidek mengenai penyakit padi.

Tuan Pengerusi, di-dalam soal tanaman dua kali sa-tahun ini musim pertama—musim awal tidak menjadi satu kesulitan bagi petani². Petani² atau pengusaha² bendang dalam negeri Kedah mendapat hasil yang lumayan pada satu relong, di-Kedah di-katakan satu relong mereka boleh dapat sampai 3 atau 4 kuncha—satu kuncha lebeh kurang 160 gantang. Tetapi pada kali yang kedua padi tidak naik. Apa sebab-nya tidak di-ketahui, tetapi apa yang saya dapat tahu sekarang ini hasil padi sa-makin hari sa-makin kurang dan apabila di-pereksa oleh petani² kata-nya: ulat merah banyak di-dalam merah memakan akar padi. Maka ini-lah yang patut-nya pehak MARDI berikhtiar dan berusaha supaya penyakit² itu dapat di-hapuskan daripada merosakkan tanaman yang di-tanam oleh petani².

Tuan Pengerusi, bersangkut paut dengan musoh² yang di-luar ia-lah tikus dan ini juga di-harapkan supaya MARDI atau pun FAMA dapat menyelesaikan soal ini.

Tuan Pengerusi, dalam Pechahan-kepala 125—Projek Taliayer Muda di-Kedah. Apa yang saya tahu, Projek Tali Ayer Muda ini, berlaku-nya banjir yang baharu lepas di-negeri Kedah ada-lah salah satu sebab-nya oleh kerana tali ayer yang kadang-kala di-sa-tengah² tempat kita dapati bahawa mungkin yang di-buboh atau pun di-letakkan oleh jurutera² di-waktu membuatkan

ban ayer atau membuat tali ayer, yang asal-nya tali ayer itu ada-lah satu lorong ayer yang berjalan, kira² sampai 4 atau 5 depa luas-nya, tetapi oleh kerana jurutera itu membubuhkan pembetong yang kecil yang lima enam kaki, yang apabila datang hujan, ma'ana-nya datang hujan ayer sebak, ayer tidak dapat berjalan dengan deras. Ini ada-lah salah satu daripada puncha² yang menyebabkan berlaku-nya banjir di-dalam negeri Kedah pada masa yang lepas dan juga baharu² ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya di-fahamkan bahawa projek Taliayer Muda ini pada masa sekarang ini kekurangan jurutera. Maka saya berharap-lah supaya Kementerian yang berkenaan dapat menambah lagi bilangan jurutera², moga² projek Taliayer Muda ini dapat berjalan dengan deras dan dapat memberikan faedah yang baik kepada petani² dalam Projek Taliayer Muda dalam negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentoh dua tiga perkara sahaja dalam Kementerian ini. Yang pertama Pechahan-kepala 88 ia-itu Rancangan² Menchegeh Banjir, Pahang. Bila saya duduk tadi di-kerusi saya, saya ingat kawasan² negeri Pahang ada-lah sangat luas. Kali ini dan tahun yang lalu juga di-dapati banjir dalam kawasan Temerloh, Pekan dan Kuantan, saya chukup terkejut. Jadi nampak-nya anggaran di-sini ia-lah bagi tahun hadapan sa-banyak \$800,000 sahaja. Dari anggaran ini sangat-lah kecil dan saya harap Menteri yang berkenaan boleh-lah memberi lebeh sedikit untuk menchegeh banjir di-negeri Pahang. Dan bagi pehak penduduk² khas-nya yang menghadapi banjir di-negeri Pahang itu, saya ucapkan-lah berbanyak² terima kasih kepada Menteri kita. Saya tahu juga menchegeh banjir ini ia-lah satu langkah atau satu kerja yang besar yang menggunakan wang yang lebeh dan kita bukan-lah dapat membersehhkan sungai baharu sahaja, tetapi sungai² lama pun hendak-lah kita membersehhkan dan banyak juga kerja² dapat di-buat dan anggaran ini mesti-lah dapat di-tambah, maka baharu-lah kita dapat jayakan dalam pekerjaan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka beruchap dalam Pechahan-kepala 168 ia-itu Pusat Menternak Haiwan Pantai Timor. Ini saya mengucapkan tahniah kepada Menteri

kita oleh kerana chukup mengambil perhatian kepada Pantai Timor kita untuk membuat Pusat Ternak Haiwan dan saya harap pada masa hadapan dalam negeri Pahang, kami boleh-lah dapat sa-buah pusat juga oleh kerana saya dapat tahu negeri Pahang ia-lah sa-buah negeri yang luas dan baharu² ini kita telah membuka banyak tanah ia-itu di-Jengka Tiga Segi dan juga Pahang Tenggara yang akan di-buka dan saya harap kalau dapat sa-buah pusat sa-macam ini di-negeri Pahang, tentu-lah kita dapat memajukan dalam lapangan haiwan pada masa akan datang di-negeri Pahang.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka berucap dalam perkara Perkhidmatan Peranian Beradas dan juga Perusahaan Daging Ternakan dan lain². Nampak-nya dalam bahagian haiwan di-Kementerian ini dan khas-nya dalam tahun ini kita dapati banyak peruntukan² untuk skim² bagi menggalakkan perusahaan daging di-negeri kita ini. Dan di-sini saya suka menguchapkan berbanyak tahniah kepada Menteri kita dan juga Kementerian kita oleh kerana dapat satu usaha yang baik dan chukup menggalakkan bagi perusahaan daging dalam negeri kita ini. Saya yakin dan perchaya tidak lama lagi dalam negeri kita boleh-lah dapat mengchukupi daging dan susu dan lain juga untuk penduduk² di-negeri kita ini. Dan ini satu usaha yang patut-lah kita galakan dan mudahan² saya berharap apabila peruntukan Kementerian kita di-luluskan, boleh-lah kita membuat kerja dengan chepat-nya. Sekian-lah terima kaseh.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Penyelidikan Pertanian, P. 13 Pechahan-kepala 26. Saya hendak tahu ada-kah penyelidekan ini berkenaan dengan foot root disease. Nampak-nya telah merosakkan lada² di-negeri Sarawak lebeh² lagi di-Sarikei Bahagian Ketiga dan di-Saratok Bahagian Kedua. Di-tempat ini, Tuan Pengerusi, banyak kebun² lada yang telah di-buang terus kerana lada² telah mati kerana perjangkitan foot root disease itu. Itu-lah saya rasa Kementerian ini patut terus menjalankan penyelidekan untuk menghapuskan penyakit ini, jikalau tidak tentu-lah penyakit ini hendak berjangkit ka-tempat lain di-Sarawak. Jikalau bagini kemudian-nya lada² akan habis mati. Jikalau lada mati dagangan lada pun mati juga di-Malaysia ini. Itu-lah sebab-nya, Tuan

Pengerusi, saya hendak menyeru kepada Kementerian ini supaya dapat menjalankan, research atas foot root disease ini dengan sa-chepat-nya.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara) (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I would like to speak in respect of the Ministry concerned on sub-head 3, page 9, regarding MARDI.

I would like to draw the attention of the Minister concerned to this. We have an allocation of \$4.6 million allotted to MARDI, which is situated in the kawasan of Serdang adjacent to the pekan of Serdang Lama and Serdang Bharu, which is part of my constituency of Damansara. I understand that nearly one thousand applications have been sent to the authority concerned to seek employment in MARDI and, on behalf of my electorates, I would like to urge the Minister concerned to give due consideration to the applications because, firstly, Mr Chairman, Sir, a lot of these applicants were previously the small rubber estate holders in the same area, and their estates have now been acquired by MARDI; secondly, they reside very close to the vicinity of MARDI and it is very convenient for them to work in MARDI; and thirdly, Serdang Bharu is the second largest new village in the country and the success of these applicants would certainly relieve the high rate of unemployment in the village. Thank you very much.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengambil masa yang panjang untuk membahathkan Kepala P.13 ia-itu peruntukan bagi Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah pun menggesa supaya pehak Kerajaan mengadakan Marketing Board atau Badan Pemasaran berkenaan dengan telor dan ayam, dan beliau menyatakan ia-itu ada masa-nya harga telor dan ayam ini jatuh dan ini menyebabkan kesusahan kepada ra'ayat terutama sa-kali di-Seberang Selatan. Saya dan Kementerian saya faham berkenaan dengan perkara ini dan pehak Kerajaan telah pun—FAMA telah pun menubuhkan satu *ad hoc* marketing board atau marketing committee ia-itu mengandungi ahli daripada beberapa ejensi dan juga badan² yang lain bagi menolong dalam masaalah menchari pasaran

kapada hasil² pertanian yang kechil² sa-umpama ayam, telur, buah²an, sayoran² dan lain². Tetapi masalaah berkenaan dengan kesusahan menjual telur dan ayam di-Seberang Selatan ini bukan-lah sa-mata² terletak kapada soal pemasaran sahaja, tetapi juga soal chara penternak² ayam di-kawasan memelihara ayam dan juga untok telur dan sa-bagai-nya. Apabila harga ayam atau pun telur naik, maka berduyun²-lah petani² dan peladang² di-kawasan itu membeli anak ayam, memelihara ayam dan sa-bagai-nya sa-hingga sa-lepas tiga empat bulan lepas itu ayam terlampau banyak di-biakkan dan telur terlampau banyak di-keluarkan, dan pasaran sudah tetap tidak menerima semua ayam atau telur yang di-sediakan oleh mereka, maka dengan sebab itu harga dipasar pun jatuh. Saya telah pun berikhtiar beberapa kali menerusi badan² yang tertentu supaya menentukan atau berusaha supaya ayam² ini tidak di-pelihara dengan banyak pada satu ketika tetapi regulatekan—control berkenaan dengan memelihara ayam tetapi ini ada kala-nya tidak mahu di-ikuti oleh pemelihara² ayam itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah pun menegor dengan masalaah banjir di-beberapa tempat, terutama sa-kali di-Selangor dan beliau juga telah menudoh ia-itu ini ada-lah di-sebabkan negligence by the department concerned. Jadi, masalaah banjir yang berlaku terutama sa-kali di-Pahang, Kelantan, Perak dan lain², ini bukan-lah sa-mata² bergantung kapada kerja² yang di-jalankan oleh Jabatan Parit dan Tali Ayer kerana sa-lain daripada sungai² yang tohor atau pun kering, tetapi masalaah yang besarnya ia-lah hujan yang lebat, yang turun daripada ulu² sungai. Jadi, kalau-lah sa-kira-nya hujan turun dengan lebat sampai 48 jam atau pun lebeh daripada itu dan masa itu juga barangkali ayer pasang tinggi maka sudah-lah tentu ayer yang datang daripada hulu tidak dapat keluar ka-laut, dengan sebab ayer di-laut telah sebab, naik ka-darat. Ini boleh menjadi, menyebabkan bah yang berlebehan di-satu² tempat, tetapi saya juga mengaku ia-itu ada tempat² atau kerja² yang patut di-kerjakan, tetapi tidak dapat di-kerjakan dengan beberapa sebab, tetapi masalaah di-Kementerian, ini bukan-lah kesalahan sa-mata² terletak kapada Jabatan Parit dan Tali Ayer kerana kawasan Kuala Lumpur sendiri bukan-lah di-bawah kekuasaan Jabatan Parit dan Tali Ayer sa-

penoh-nya, tetapi ia-lah oleh Municipality. Jadi, dengan sebab itu tidak-lah sa-bagitu adil kalau di-katakan ini ada-lah di-sebabkan negligence oleh Jabatan Parit dan Tali Ayer sa-mata².

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah pun menyatakan ia-itu sekarang ini chuma ada sa-buah Institiut Pertanian sahaja ia-itu di-Bumbong Lima dan beliau meminta di-banyakan lagi. Yang sa-benarnya sekarang ada tiga Institiut Pertanian didalam negeri ini ia-itu satu di-Serdang, satu di-Bumbong Lima dan satu baharu ditubuhkan di-Kuala Lipis. Kita berharap akan dapat menubuhkan tiga lagi di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, ia-itu satu di-Parit, Perak; satu di-Ayer Hitam, Johor dan satu lagi di-Trengganu. Jadi, kita harap dengan ada-nya tiga lagi ini dapat-lah meliputi seluroh Malaysia Barat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara ia-itu beliau bertanya sama ada pengalaman² yang di-dapati daripada penyelidekan padi tanaman dua kali sa-tahun chukop atau tidak lagi. Jadi, di-sini saya suka-lah menjelaskan ia-itu perchubaan atau kajian atau penyelidekan menanam dua kali sa-tahun ini tidak akan berakhir pada tahun ini atau tahun hadapan bahkan akan berlanjutan sa-lama mana atau sa-lagi penanam² tanaman padi di-jalankan oleh peladang² dan petani² kerana apa yang kita dapati ia-itu beneh padi yang di-keluarkan pada tahun ini, sa-lepas di-pakai mithal-nya dua tiga tahun, kemudian di-dapati beneh padi ini senang sa-kali di-serang oleh penya-kit atau musoh² maka dengan sebab itu terpaksa kita menchari jalan bagaimana hendak memusnahkan musoh atau pun menchari beneh² baharu yang boleh tahan daripada serangan² musoh ini dan sa-bagaimana yang saya sentiasa kata ia-itu kita tidak puas hati dengan pengeluaran padi yang ada sekarang ini ia-itu 700 gantang sa-ekar atau 800 dan sa-tinggi²-nya 1,250 gantang sa-ekar; kita maseh lagi tidak berpuas hati kerana ada negara² dalam dunia ini yang dapat mengeluarkan hasil padi sa-hingga 150% lebeh daripada apa yang kita keluarkan. Jadi, kita mesti-lah berusaha daripada satu masa ka-satu masa untuk melebehan pengeluaran padi di-dalam negeri ini.

Berkenaan dengan masalaah peruntokan berkenaan dengan banjir, beliau telah bertanya mengapa-kah tidak ada peruntokan

bagi negeri Perak. Yang sa-benar-nya peruntukan Parit dan Tali Ayer ini ada-lah terbahagi kepada tiga. Yang Pertama sa-kali ia-lah Irrigation Works dan yang kedua ia-lah Drainage Works dan yang ketiga ia-lah Flood Control, tetapi semua sa-kali kerja² drainage ini ada-lah sa-chara indirect di-jalankan kerana mengelakkan daripada berlaku-nya banjir di-dalam negeri, maka dengan sebab itu sama ada peruntukan itu di-buboh di-bawah Kepala Flood Control atau pun Drainage Scheme atau pun Drainage Works, ini ada-lah sama ma'ana-nya untuk kerja² mengelakkan banjir dan ada di-antara kepala² itu pula di-letakkan sa-chara \$10.00. Ini tidak-lah berma'ana yang \$10.00 itu akan di-gunakan dalam tahun itu bahkan ini berma'ana kerja² siasatan sedang di-lakukan di-bawah Kepala lain ia-itu Kepala Kajian, Siasatan, Survey dan lain² dan manakala kita telah dapati satu² projek itu baik, boleh di-jalankan, maka kita akan berusaha untuk mendapatkan wang untuk perbelanjaan itu. Jadi, manakala kita minta wang, wang di-luluskan baharu-lah datang permintaan Supplementary Estimates kepada Parlimen untuk menjalankan kerja² itu atau pun kerja² itu di-jalankan dengan persetujuan Treasury dan Supplementary Estimates di-minta kemudian daripada Parlimen. Ini ada-lah chara yang di-jalankan dan sa-hingga hari ini semua kerja² berkenaan dengan hendak mengelakkan banjir ini, yang mana telah selesai di-siasat, di-kaji telah dapat di-jalankan dengan sempurna-nya; sa-umpama saya dapat sebutkan di-sini Ranchangan Mengelakkan Banjir di-Kelantan ia-itu mengorek, mengadakan satu parit daripada tengah bendang di-selatan daripada pekan Kota Bharu sampai ka-pantai, telah pun dapat di-jalankan. Bagitu juga Ranchangan Mengorek di-Kuala Sungai Pahang sedang di-jalankan pada masa sekarang ini. Dan sa-bagaimana yang saya telah beri dalam jawapan saya pada hari kelmarin ia-itu kerja² bagi mengadakan ampangan di-Sungai Temenggor yang juga sa-chara indirect mengelakkan banjir di-negeri Perak akan di-jalankan dan pehak Kerajaan juga sedang menimbang serta mengkaji bagi mengadakan beberapa ampangan² lain untuk mengelakkan banjir di-dalam negeri ini, terutama sa-kali di-negeri Pahang dan negeri² yang lain.

Bagi negeri Johor pula pehak Kerajaan telah pun memberi peruntukan yang besar kepada Ranchangan² Parit dan satu ranchangan yang besar, yang berharga mengikut taksiran daripada Kerajaan Negeri Johor ia-itu lebeh daripada \$200,000,000 sedang di-dalam kajian pada masa ini. Jadi, ini semua ada-lah usaha² yang di-jalankan oleh pehak Jabatan Parit dan Tali Ayer dan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berkenaan dengan usaha² hendak mengelakkan banjir.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah pun membangkitkan soal memberi bantuan untuk mengadakan tapak² simen bagi mengeringkan padi dan sa-bagai-nya, maka di-sini saya suka menjelaskan ia-itu pehak FAMA telah pun mengadakan ranchangan² dan juga sekarang ini di-bawah kuasa Lembaga Padi dan Beras Negara, mengadakan ranchangan bagi mengadakan kilang² pengeringan ia-itu jentera untuk mengering padi, maka dengan sebab itu saya fikir tidak-lah mustahak di-adakan tapak² simen di-seluruh negeri Perlis itu kerana padi² daripada negeri Perlis itu dapat di-hantar ka-tempat pengeringan yang di-bena sa-chara kompleks ini untuk di-keringkan.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan, ia-itu MARDI tidak menjalankan tugas² dan kerja²-nya sunggoh pun telah lama di-tubuhkan. Saya suka menegaskan di-sini, ia-itu MARDI telah di-tubuhkan lebeh kurang dua tahun yang sudah dan MARDI sejak dua tahun ini telah pun mengambil langkah untuk menjalankan siasatan² berkenaan dengan perkara² yang tertentu sahaja terutama sa-kali berkenaan dengan padi, berkenaan dengan chara² memproses barang² makanan di-bawah teknologi makanan dan juga menentukan kawasan² yang akan di-jalankan penyiasatan oleh MARDI dan sa-bagai-nya.

Jadi, mulai daripada tahun ini atau tahun hadapan baharu-lah MARDI akan dapat berjalan dengan terus-nya kerana perubahan atau pertukaran pegawai² daripada Jabatan Pertanian, daripada Jabatan Perikanan, daripada Jabatan Haiwan yang ada kait-mengait dengan penyelidikan dan kajian telah pun di-tukarkan masuk ka-dalam MARDI dan MARDI akan dapat berjalan daripada sekarang dengan baik dan derasnya. Jadi, Ahli itu telah menyatakan . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri panjang lagi-kah? Kalau pendek, saya boleh benarkan!

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Pendek sahaja, Tuan Pengerusi. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan, ia itu sa-chara buah²an yang datang daripada Negeri Siam ini kata dia makan sahaja chukup lazat, tetapi bau sahaja yang busok sadikit. Tetapi, saya suka-lah menyatakan di-sini ada kala-nya bau-nya itu-lah yang menambahkan kapada kelazatan (*Ketawa*). Jadi, dengan sebab masa tidak mengizinkan,

Tuan Pengerusi, saya tamatkan kelazatan. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$131,689,656 untok Kepala P. 13 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1972.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok, hari Khamis.